

WARTA UNIVERSITI

BIL. 55

OKTOBER 2018

ISSN 0126-6292

Sabtu, 20 Oktober 2018
hingga
Selasa, 23 Oktober 2018

ISTIADAT KONVOKESYEN

Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya kali ke-58 telah berlangsung selama empat hari iaitu pada hari Sabtu, 20 Oktober 2018 (Sidang Pertama) jam 9.00 pagi; hari Ahad, 21 Oktober 2018 (Sidang Kedua) jam 9.00 pagi dan (Sidang Ketiga) jam 3.00 petang; hari Isnin, 22 Oktober 2018 (Sidang Keempat) jam 9.00 pagi dan (Sidang Kelima) jam 3.00 petang; dan hari Selasa, 23 Oktober 2018 (Sidang Keenam) jam 9.00 pagi dan (Sidang Ketujuh) jam 3.00 petang. Kesemua sidang ini telah diadakan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya (UM).

Sidang pertama telah dipengerusikan oleh Tuanku Canselor, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Sidang Kedua dan Sidang Ketiga dipengerusikan oleh Pro-Canselor, Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong. Sidang Keempat dan Kelima pula dipengerusikan oleh Pro-Canselor, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob. Sidang Keenam dan Sidang Ketujuh dipengerusikan oleh Pro-Canselor, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib.

Pada tahun ini, UM telah menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada dua orang tokoh ternama, iaitu Ijazah Kehormat Doktor Perubatan kepada Yang Berbahagia Dato' Dr. Mahmood Osman Merican dan Ijazah Kehormat Doktor Harta Tanah kepada Yang Berbahagia Tan Sri Sr. Abdul Rahim Abdul Rahman. UM juga telah menganugerahkan gelaran Profesor Emeritus kepada Yang Berusaha Ir. Dr. Masjuki Haji Hassan, Yang Berbahagia Dato' Dr. Goh Khean Lee dan Yang Berbahagia Datuk Dr. Norma Mansor

UM turut menganugerahkan Anugerah Pelajaran DiRaja kepada dua graduan cemerlang Ijazah Sarjana Muda iaitu Saudara Izzudin bin Aman Shah dari Fakulti Kejuruteraan dan Saudara Chong Jing Sheng dari Fakulti Sains.

Penganugerahan ijazah kepada graduan dibahagikan seperti berikut: Sidang Pertama – 450 graduan Ijazah Doktor Falsafah, 11 graduan Ijazah Doktor Kesihatan Awam dan 2 graduan Ijazah Doktor Kesihatan Awam Pergigian; Sidang Kedua – 77 graduan Ijazah Doktor Falsafah, 726 graduan Ijazah Sarjana dan 43 graduan Diploma Pascasiswazah Pendidikan; Sidang Ketiga – 766 graduan Ijazah Sarjana; Sidang Keempat – 276 graduan Ijazah Sarjana dan 527 graduan Ijazah Sarjana Muda; Sidang Kelima – 812 graduan Ijazah Sarjana Muda; Sidang Keenam – 813 graduan Ijazah Sarjana Muda; dan Sidang Ketujuh – 776 graduan Ijazah Sarjana Muda. Jumlah keseluruhan penganugerahan ijazah adalah seramai 5,279 graduan.

**Titah Tuanku Canselor
Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah**

Sidang Pertama - Sabtu, 20 Oktober 2018 (Pagi)

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera.

Konvokesyen Universiti Malaya kali ke-58, berlangsung dalam suasana Universiti merayakan kejayaan yang membanggakan, diumumkan mencapai tangga ke-87 dalam QS World University Rankings tahun 2018, berbanding kedudukan di tangga ke-114 pada tahun 2017. Alhamdulillah, Universiti Malaya kini berada dalam kelompok 100 universiti terbaik dunia. Beta menzahirkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada Pengerusi serta ahli-ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor serta staf akademik, Pendaftar serta staf pengurusan dan kepada seluruh warga kampus atas ketekunan, komitmen dan dedikasi hingga membolehkan Universiti mencipta kejayaan.

Konvokesyen Universiti Malaya kali ke-58, akan mengurniakan ijazah kepada 5,279 graduan; merangkumi 540 Ijazah Doktor Falsafah, 1,768 Ijazah Sarjana, 2,928 Ijazah Sarjana Muda dan 43 Diploma Pascasiswazah Pendidikan. Konvokesyen kali ini, akan turut mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan kepada Dato' Dr. Mahmood bin Osman Merican, dan Ijazah Kehormat Doktor Harta Tanah kepada Tan Sri Sr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman; serta gelaran Profesor Emeritus kepada Dato' Dr. Goh Khean Lee, Datuk Dr. Norma binti Mansor dan Ir. Dr. Masjuki bin Haji Hassan.

Saudara saudari akan diserap ke alam kehidupan yang lebih nyata, berbekalkan ijazah daripada sebuah Universiti ternama. Alam universiti bukan sahaja telah memperkayakan minda saudara

saudari dengan ilmu dan pengetahuan, malah ketika berada di alam universiti, majoriti saudara saudari mengimpikan alam kehidupan yang terbaik. Idealisme akan dapat diterjemahkan menjadi realiti, jika dalam jiwa saudara saudari ada kesungguhan, kegigihan, keyakinan dan keimanan. Idealisme tidak akan tinggal sebagai impian, tetapi idealisme berupaya dicapai melalui sifat berani melakukan perubahan dan kecekalan bereksperimen melakukan pembaharuan. Di alam kehidupan yang nyata, saudara saudari berpeluang untuk merealisasikan segala idealisme dengan menjadikan diri sebagai contoh teladan terbaik, memberikan inspirasi untuk mempengaruhi dan mencorakkan persekitaran tempat bekerja. Buktikan komitmen merealisasikan idealisme, dengan mengaplikasikan segala ilmu dan pengetahuan yang diperoleh untuk menyejahterakan masyarakat, berdasarkan semangat tulen berkhidmat atas nama Tuhan Maha Pencipta, demi bangsa dan negara, dengan mengamalkan sifat amanah.

Negara sedang melalui era transformasi. Ada yang menamakannya sebagai era 'Malaysia Baru'. Warga tidak perlu terheret dalam polemik istilah. Yang lebih penting direnungkan, ialah, mesej rakyat, berdasarkan keputusan Pilihan Raya Umum keempat belas bertarikh 9 Mei 2018. Keputusan pilihan raya tersebut, menunjukkan budaya politik di Malaysia semakin berpaksikan rakyat. Rakyat biasa sebagai penentu, amat ketara melakukan pilihan yang bebas daripada dipengaruhi oleh sentimen sejarah, dominasi institusi, kestabilan

status quo sedia ada, serta imbuhan material. Majoriti pengundi mengimpikan sebuah kerajaan yang lebih telus, lebih terbuka dan lebih amanah.

'AMANAH', ialah perkataan yang mengandungi tiga suku kata, tetapi amat luas peranannya, amat berat tanggungannya. Amanah merupakan kunci penentu yang boleh membangunkan sesuatu bangsa, negara, tamadun dan keagungan, sementara ketiadaan sifat amanah terbukti telah atau berpotensi menghancurkan sesuatu bangsa, negara, tamadun dan keagungan.

Aspek 'AMANAH' dijanjikan akan diberikan keutamaan oleh Kerajaan yang dibentuk pasca Pilihan Raya Umum Ke 14. Surat-surat rasmi Kerajaan yang sebelum ini ditandatangani di bawah klausa 'Your Obedient Servant' atau 'Saya Yang Menurut Perintah' ditukar kepada klausa 'Saya yang menjalankan Amanah'. Lengkapnya diri saudara saudari dengan sifat amanah, agar saudara saudari tergolong dalam kategori yang menjadi pilihan utama para majikan, dengan mengambil iktibar daripada dialog dua orang puteri Nabi Syuaib Alaihissalam, memperakarkan kepada Nabi Syuaib Alaihissalam untuk mengambil Nabi Musa Alaihissalam bekerja dengan keluarga mereka, seperti terkandung dalam ayat 26 surah al-Qashash yang bermaksud:

"...Wahai bapa ku, ambillah ia sebagai orang yang bekerja (pada kita) kerana sesungguhnya orang yang paling baik yang kau ambil untuk bekerja (pada kita) ialah orang yang kuat lagi dapat dipercayai."¹

Beginu juga dengan sifat keyakinan Nabi Yusuf Alaihissalam menurut ayat 55 surah Yusuf yang bermaksud:

"Jadikanlah aku bendaharawan negara (Mesir); sesungguhnya aku adalah orang yang pandai menjaga lagi berpengetahuan."²

Amanah merangkumi apa juga yang telah ALLAH Subhanahu Wata'ala meletakkan pertanggungjawaban ke atas bahu manusia. Firman ALLAH Subhanahu Wata'ala dalam ayat 58 surah an-Nisaa' bermaksud:

"Sesungguhnya ALLAH memerintahkan kamu untuk menunaikan amanah kepada pihak yang berhak menerimanya dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum antara manusia

supaya kamu menetapkannya dengan adil. Sesungguhnya ALLAH memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada mu dan sesungguhnya ALLAH Maha Mendengar lagi Maha Melihat."³

Dunia pada hari ini, tidak kekurangan orang berpengetahuan, tetapi dunia semakin menghadapi ketandusan orang-orang yang memiliki sifat amanah. Insan berpengetahuan yang diperlengkap dengan sifat amanah akan mempamerkan watak insan berilmu. Salah seorang pemikir tersohor Islam, Syed Muhammad Naquib al-Attas, menegaskan tujuan asas pendidikan yang dianjurkan oleh Islam, adalah untuk menghasilkan insan mulia. Sesungguhnya roh yang berperanan membina kekuatan dalaman, amat berperanan mengawal tindak tanduk seseorang insan. Salah satu kelompongan yang disedari sedang berlaku dalam dunia pendidikan moden ketika ini, ialah batas kejayaan institusi pendidikan moden, sekadar menghasilkan produk yang menguasai kecerdasan (*intelligence*), pengamatan (*cognition*) dan kebolehan menaakul (*reason*), tetapi produk yang dihasilkan tidak dilengkapi dengan aspek-aspek moral, perasaan dan emosi (*affective*).⁴ Martin Luther King Jr. pernah menegur program pendidikan di Amerika Syarikat dengan kata-kata berikut:

*"Intelligence plus charachter is the goal of true education. Education which stops with efficiency may prove the greatest menace to society. The most dangerous criminal may be the man gifted with reason but no morals."*⁵

Negara dan rakyat adalah amanah yang dipertanggungjawabkan kepada mereka yang telah diangkat sebagai pemimpin, agar melaksanakan tanggungjawab dengan jujur lagi berintegriti. Para pemimpin mempunyai beban amanah yang besar untuk ditunaikan dan mereka dituntut untuk menjaga amanah dan pemerintahan dengan benar dan adil. Jika amanah dan keadilan disisihkan, maka umat manusia akan binasa dan sesebuah negara atau tamadun akan hancur seperti peringatan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam yang bermaksud:

"Apabila amanah disia-siakan, maka tunggalah kehancurannya." Para sahabat bertanya: "Bagaimanakah bentuk mensia-siakan itu?" Baginda bersabda

³ Al-Quran, An Nisaa (5:58)

⁴ Dr. Mohd. Farid Mohd. Shahran, "The True Purpose of Education", New Straits Times, 12 October 2018, 17.

⁵ Ibid.

¹ Quran Al-Quran, Al-Qashash (28:26)

² Al-, Yusuf, (12:55)

lagi, "Apabila sesuatu urusan diserahkan kepada orang yang tidak berkelayakan, maka tunggulah kehancurannya."⁶

Diriwayatkan, Baginda Sallallahu Alaihi Wassalam menolak permohonan Abu Zar Radiallahuanhu yang ingin menjadi pemimpin, disebabkan kebimbangan Baginda akan kelemahan Abu Zar Radiallahuanhu dalam menjalankan tanggungjawab kepimpinan, yang berkemungkinan pada akhirnya, mengakibatkan Abu Zar terpaksa menghadapi hukuman berat di akhirat nanti.

Para ulama berpendirian bahawa agama tidak akan tertegak, begitu juga dunia tidak akan menjadi baik tanpa keberadaan pemimpin yang bersikap amanah. Kebaikan sesuatu bangsa dipengaruhi oleh sifat pemimpinnya; kerana itu tokoh sosiologi Islam Ibn Khaldun meletakkan ukuran kebaikan sesuatu bangsa ditentukan oleh kualiti dan nilai kepimpinan bangsa tersebut.

Amanah menghadapi dugaan besar apabila pemimpin terkena penyakit tamak kuasa; lalu kuasa dan mendapatkan kuasa dijadikan matlamat yang diusahakan dengan menghalalkan cara; dan penyakit gila kuasa menjadi bertambah kronik apabila pemimpin dikelilingi oleh barisan penasihat yang jahil. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bermaksud:

*"Awal mula yang hilang daripada agama kalian adalah amanah, dan yang paling akhir adalah solat."*⁷

Hari ini, merupakan hari penuh gembira para graduan. Dalam kegembiraan menikmati kejayaan, wajib diingatkan, bahawa hasil yang dikehendaki ini, mungkin tidak akan tercapai tanpa sokongan, dorongan dan juga irungan doa restu ibu bapa dan anggota keluarga. Justeru, dalam meraikan hari yang penuh bersejarah ini, jangan sama sekali dilupakan pengorbanan ibu bapa serta anggota keluarga, yang berperanan penting di belakang kejayaan anda.

Jangan sama sekali dilupakan jasa para guru dan pensyarah yang telah mencurahkan ilmu dan pengetahuan. Hargailah segala ilmu dan pengetahuan yang telah diterima, dan manfaatkannya untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Semoga para graduan akan menjadi warga Malaysia yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Beta menzahirkan ucapan tahniah kepada para graduan. Beta menzahirkan penghargaan kepada para ibu bapa serta anggota keluarga. Kepada Pengurus serta ahli-ahli Lembaga Pengarah, Naib Canselor serta seluruh tenaga akademik, begitu juga kepada Pendaftar serta staf pengurusan, staf sokongan dan kepada setiap warga Universiti Malaya, sama-sama kita doakan agar segala khidmat bakti mereka, diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagai amar makruf yang dikurniakan ganjaran dunia – ganjaran akhirat, agar mereka dan keluarga senantiasa dilimpahi rahmat Ilahi.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

⁶ Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

⁷ Hadis dari Anas bin Malik Radiallahuanhu, diriwayatkan dalam Makarimul Akhlaq, hal.28.

**Ucapan Naib Canselor
Yang Berbahagia Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim**

Sidang Pertama - Sabtu, 20 Oktober 2018 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Segala pujian bagi Allah, Tuhan Pencipta Alam, selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. ahli keluarga dan para sahabat.

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, Canselor Universiti Malaya.

Ampun Tuanku,

Bagi pihak seluruh warga Universiti Malaya, para graduan dan ibu bapa, patik merafak sembah dan menjunjung kasih tidak terhingga kerana dengan Izin-Nya, Duli Yang Maha Mulia Tuanku dapat berangkat mencemar duli bagi menyempurnakan Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya pada kali ini.

Patik menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku serta mendoakan Duli Yang Maha Mulia Tuanku sentiasa berada dalam kesejahteraan, kerahmatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ampun Tuanku,

Patik memohon perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk menyampaikan ucapan kepada para hadirin sekalian.

Dif-dif kehormat, tuan-tuan, puan-puan, ibu bapa serta para graduan yang dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, syukur kerana dengan rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama pada hari ini untuk meraikan kejayaan para graduan, seterusnya memeriahkan lagi Istiadat Konvokesyen Universiti Malaya buat kali yang ke-58 ini. Tahniah dan

syabas saya ucapan kepada semua graduan, ibu bapa serta seluruh ahli keluarga di atas kejayaan anda menamatkan pengajian masing-masing.

Hadirin yang dihormati,

Di Dewan Tuanku Canselor yang penuh sejarah pada hari ini, kita melihat kepuasan di wajah para graduan apabila segala penat lelah dan cabaran yang dihadapi di sepanjang mereka mengharungi cabaran sebagai mahasiswa telahpun berakhir. Saya percaya ramai di kalangan graduan ini telah menjadikan cabaran dan kesukaran sebagai pendorong dan bukannya pematah semangat untuk mencipta kejayaan. Buktinya pada istiadat kali ini daripada 2,928 pelajar ijazah pertama yang akan menerima ijazah, 568 atau 19% daripada mereka berjaya menamatkan pengajian dengan mendapat Lulus Dengan Kepujian (Dengan Cemerlang). Dan apa yang lebih membanggakan adalah daripada 568 graduan cemerlang ini 377 atau 66.4% merupakan graduan yang mempunyai latar belakang keluarga dengan berpendapatan isi rumah yang rendah atau kita sebut sebagai B40.

Pada tahun ini kita juga meraikan 10 graduan daripada kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU), di mana 7 atau 70% daripada mereka berjaya menamatkan pengajian dengan mendapat keputusan yang cemerlang atau mendapat PNGK 3.3 ke atas. Ini membuktikan bahawa kekurangan dan kepayahan mereka sama sekali tidak menghalang mahasiswa mencapai kejayaan yang cemerlang dan membanggakan.

Universiti Malaya juga dari semasa ke semasa sentiasa berusaha memastikan kebijakan mahasiswa terpelihara. Kewujudan pelbagai program untuk membantu pelajar kurang berkemampuan dan pelajar berkeperluan khas khususnya OKU menjadi pemangkin kepada pelajar sebegini melunaskan amanah bagi membolehkan mereka menerima segulung ijazah dalam Istiadat Konvokesyen pada kali ini. Beberapa program

yang dilaksanakan di UM antaranya pemberian kupon makanan dan projek *happy lunch* yang dilaksanakan semata-mata bagi memastikan pelajar yang kurang mampu mendapat khasiat secukupnya untuk meneruskan pembelajaran.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Izinkan saya untuk berkongsi kejayaan Universiti Malaya hasil kegigihan warganya yang tidak pernah kenal erti putus asa. Saya pasti kejayaan yang dicapai memberi inspirasi kepada kita semua untuk terus cemerlang di masa akan datang.

Tahun 2018 melakar sejarah yang tersendiri apabila Universiti Malaya (UM) berjaya menerobos tembok 100 terbaik dunia untuk berada di kedudukan ke-87 melalui sistem penarafan QS World University Ranking. Kedudukan ini merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan bukan sahaja kepada kami warga UM, malahan seluruh rakyat Malaysia bersama-sama meraikannya. Saya pasti kejayaan ini adalah hasil komitmen dan dedikasi warganya yang tidak berbelah bahagi dengan sokongan pelbagai pihak dari dalam dan luar Universiti. Keberadaan Universiti Malaya di kelompok 100 terbaik dunia sudah pasti menjadi pemangkin untuk UM terus dijadikan destinasi oleh pelbagai pihak berkepentingan. Oleh yang demikian UM akan terus komited mengekalkan kedudukan di kelompok 100 terbaik dunia kerana Universiti ini bukan sekadar membawa namanya sendiri tetapi juga membawa nama negara Malaysia di peringkat antarabangsa.

Demi menyahut cabaran sebagai sebuah Universiti Penyelidikan yang telah diberikan status autonomi, Universiti Malaya sedar bahawa tidak selamanya kita harus meletakkan kebergantungan kepada kerajaan semata-mata untuk melaksanakan pelbagai agenda kecemerlangan. Universiti perlu terus melaksanakan pelbagai aktiviti dan inisiatif khususnya bagi kelestarian kewangan, termasuklah meningkatkan dana melalui penjanaan pendapatan dan endowment. Justeru itu, kita telah mewujudkan UM Awqaf yang akan memberi peluang kepada individu dan organisasi tampil memberi sumbangan dalam bentuk waqaf. Kita juga giat melaksanakan pelbagai aktiviti untuk menggalakkan industri dan *philanthropy* melaksanakan kolaborasi yang akan memberi pulangan terbaik bukan sahaja kepada mereka dan UM tetapi sudah pasti menambah aset kepada negara melalui situasi menang-menang atau *win-win situation*.

Hadirin sekalian,

Pada hari ini kita meraikan graduan, namun menjadi harapan saya dan seluruh warga UM supaya graduan kembali ke kampus bukan sekadar mengembalikan nostalgia tetapi yang lebih bermakna memberi sumbangan demi memperkasa dan membawa Universiti ini ke mercu kegemilangan. Dalam konteks ini, rasa pemilikan atau *sense of belonging* yang tinggi oleh graduan terhadap Universiti Malaya sebagai *alma mater* amatlah penting. Kita perlu melihat bagaimana alumni di universiti tersohor dunia seperti Harvard, Yale dan Cambridge tidak terus meninggalkan *alma mater* mereka, sebaliknya kembali memberikan khidmat dan sumbangan melalui pelbagai cara. Saya percaya ini merupakan cara terbaik untuk kita sama-sama berganding bahu demi memastikan UM terus mencorak kegemilangan dan kekal di hati semua rakyat sebagai Universiti tersohor di Malaysia dan di mata dunia.

Saya juga menyeru kepada semua graduan untuk terus mencari ilmu walaupun bukan secara formal, kerana bangsa yang perkasa adalah bangsa yang sentiasa cintakan ilmu. Bukan sekadar ilmu yang memberi manfaat kepada diri sendiri malahan memberi manfaat kepada orang lain serta kemuliaan kepada sejagat. Ilmu yang diburu tanpa henti pasti akan membezakan antara yang celik dan yang buta, antara yang mulia dan yang hina; dan antara yang kaya dan yang papa kedana. Kerana orang yang berilmu pasti akan tersingkap kemuliaannya di sisi masyarakat.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Lembaga Pengarah Universiti, barisan pengurusan Universiti dan seluruh warga Universiti yang sentiasa bersama saya dalam menjayakan pelbagai agenda kecemerlangan. Terima kasih juga kepada pihak kerajaan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan kepada Universiti dalam mencapai pelbagai agenda yang direncanakan.

Kepada graduan semua yang bakal mendapat gelaran Alumni Universiti Malaya, teruskan sokongan anda kepada Universiti yang kita cintai ini kerana sesungguhnya usaha memartabatkan Universiti Malaya di persada dunia memerlukan

gandingan dan usaha keras berterusan semua pihak. Semoga kejayaan anda pada hari ini akan melakar lebih banyak kejayaan di masa akan datang sekaligus menyemarak nama Universiti Malaya selaku *alma mater* di dalam Negara mahupun persada antarabangsa.

Ucapan terima kasih ini juga khusus saya ucapkan kepada warga kerja yang telah berusaha keras dalam merencana dan merealisasikan supaya istiadat konvokesyen pada kali ini menjadi satu kenangan dan sekali lagi terpahat sebagai detik bersejarah Universiti Malaya.

Ampun Tuanku,

Patik dan seluruh warga Universiti Malaya sekali lagi merafak sembah menjunjung setinggi kasih di

atas keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku ke Istiadat Konvokesyen pada pagi ini. Galakan dan sokongan berterusan Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap usaha untuk meningkatkan Universiti Malaya sebagai universiti ternama dunia amat besar sekali nilainya dan patik mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan membala segala budi baik Duli Yang Maha Mulia Tuanku itu dengan sebaik-baik pembalasan. Dengan sepenuh hormat takzim dan tawadhuq juga, patik memohon limpah ampun Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas sebarang kekurangan pada majlis ini.

Menjunjung Kasih Tuanku.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Pidato Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan Untuk Yang Berbahagia Dato' Dr. Mahmood Osman Merican

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman
Dekan, Fakulti Perubatan**

Sidang Pertama - Sabtu, 20 Oktober 2018 (Pagi)

Mahmood bin Osman Merican.

Mahmood bin Osman Merican dilahirkan pada tahun 1935 di Kota Bharu, Kelantan. Beliau merupakan anak bongsu daripada enam adik-beradik. Bapa beliau merupakan seorang doktor manakala ibunya Che Pok seorang suri rumah. Bapanya telah meninggal dunia ketika dia berusia 9 tahun. Dengan sikap penuh tanggungjawab dan keperihatinan yang dipupuk dalam diri sejak kecil oleh ibunya, beliau dan adik beradik yang lain sering membantu ibunya bercucuk tanam serta menggembala lembu.

Pembelajaran Dr. Mahmood terganggu apabila Jepun melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu. Setelah pihak Jepun menyerah diri, beliau menyambung pembelajarannya pada umur 10 tahun di Ismail English School (Maktab Sultan Ismail) dan berjaya menamatkan pembelajaran peringkat Menengah dan lulus cemerlang dalam Senior Cambridge Examination ketika berumur 15 tahun. Dr. Mahmood telah dianugerahkan The Perfect Boy Award dan dinobatkan sebagai pelajar terbaik atas keputusan cemerlang yang diperolehi. Walau bagaimanapun, beliau tidak dibenarkan meneruskan pengajian ke peringkat Universiti kerana masih muda pada ketika itu. Oleh kerana itu, beliau telah meneruskan pelajaran ke Tingkatan Enam (Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia) di Malay College Kuala Kangsar selama 2 tahun. Pada usia 17 tahun, beliau melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya (Singapura) dalam bidang perubatan pada tahun 1952 di mana beliau dianugerahkan dua biasiswa, Entrance and Senior University Scholarships sekaligus dapat mengurangkan kos yang ditanggung ibunya. Beliau dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) pada tahun 1958 pada usia 22 tahun. Semasa di Universiti,

beliau merupakan seorang yang aktif dan telah memegang jawatan presiden bagi University of Malaya Students Union.

Seterusnya Dr. Mahmood bertugas sebagai seorang doktor di Johor Bahru. Semasa berkhidmat, beliau lulus dalam peperiksaan FRCS oleh Royal Australian College of Surgeons pada tahun 1964 di Edinburgh. Beliau meneruskan pengajian ke peringkat Sarjana dalam bidang kepakaran Ortopedik di Universiti Liverpool pada tahun 1966. Sekembalinya beliau di tanah air, Dr. Mahmood berkhidmat sebagai Pakar Perunding Surgeri Ortopedik di Hospital Kuala Lumpur (GHKL) dan merupakan salah seorang Pakar Orthopedik yang terawal di Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pada tahun 1971, Dr. Mahmood berkhidmat sebagai Professor Madya di Universiti Malaya dan dilantik sebagai salah seorang ahli Majlis Universiti Malaya sehingga tahun 1973. Kemudian beliau telah bekerjasama dengan beberapa orang doktor yang lain menjadi perintis kepada penubuhan Hospital Pantai pada tahun 1974. Dr. Mahmood telah dilantik sebagai Pengurus Hospital Pantai bagi tempoh mulai tahun 1988 sehingga 1995. Beliau kini masih lagi aktif sebagai seorang Pakar Perunding Ortopedik tetapi tidak lagi melakukan pembedahan.

Dr. Mahmood merupakan seorang yang aktif dalam badan-badan profesional. Antaranya ialah Master dalam Academy of Medicine (1976-1980), Presiden bagi Malaysian Orthopaedic Association (1983-1985), Presiden bagi Medical Alumni (1980), ahli dalam Malaysian Medical Council (1977-1981) and Presiden bagi Association of Private Hospitals (1990-1993).

Dr. Mahmood mempunyai ikatan emosi dan sentimental yang mendalam terhadap Universiti

Malaya kerana kedua-dua abangnya, Dato' Dr. Carleel dan Dato' Dr. Ezanee merupakan graduan Universiti Malaya, Singapura. Universiti Malaya juga merupakan titik permulaan pertemuan beliau dengan isterinya, Datin Ragayah. Ikatan tersebut diteruskan dengan generasi seterusnya iaitu anak beliau Sarina yang mengikuti pengajian perundangan dan Profesor Dr. Azhar di Jabatan Surgeri Ortopedik, Fakulti Perubatan.

Dr. Mahmood Merican dikenali dengan sifat rendah diri, hati baik dan mudah belas kasihan. Beliau berpendirian bahawa saling merhormati dan mencintai kaum manusia adalah sifat yang mulia. Di samping itu, Dr. Mahmood juga aktif dalam melakukan kerja-kerja amal. Beliau merupakan salah seorang pengasas Persatuan Pemulihian Orang-orang Cacat, Selangor dan Wilayah Persekutuan dan dilantik Pengurus persatuan sejak tahun 1983 menggantikan Tun Dr. Siti Hasmah sebagai Penaung Persatuan. Beliau juga bergiat aktif dalam bidang pendidikan di mana beliau telah membayai Yayasan Ortopedik bagi tujuan penyelidikan dan seterusnya menjadi asas penubuhan National Orthopaedic Centre of Excellence in Research and Learning (NOCERAL), Fakulti Perubatan, Universiti Malaya. Pada tahun 2016, Dr. Mahmood dan keluarga telah menyumbang dana kepada Fakulti Perubatan sebagai geran penyelidikan tahunan demi untuk meningkatkan mutu dan produktiviti penyelidikan perubatan dan klinikal di Fakulti Perubatan.

Keperihatinan beliau terhadap masalah pelajar dari negeri Kelantan dalam menguasai Bahasa Inggeris, beliau pada tahun 2010 telah mengambil inisiatif membiayai program dan kursus Bahasa Inggeris yang diadakan di Yayasan Maktab Sultan Ismail dan sekolah-sekolah kebangsaan yang lain. Di samping itu beliau juga telah bekerjasama dengan Universiti Sains Malaysia bagi membangunkan tiga klinik bergerak di pedalaman negeri Kelantan yang bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan kepada warga tua dan orang kelainan upaya.

Bakti dicurah, anugerah dibalas. Beliau telah menerima anugerah Darjah Dato' Paduka Jiwa Mahkota Kelantan (D.J.M.K.) daripada Sultan Kelantan pada tahun 1987. Dr. Mahmood dan Ragayah binti Dato' Haji Mohd Eusoff telah berkahwin pada tahun 1961. Beliau menganggap keluarganya – isteri, keempat-empat anak berserta pasangan masing-masing, sembilan cucu dan seorang cicit, merupakan membawa barakah yang tak terhitung nilainya dan menjadi sumber utama kebahagian dalam hidup beliau.

Saya ingin mengakhiri dengan pantun Bahasa Inggeris yang amat digemari oleh Dr. Mahmood:

*"If you can walk with crowds and keep your virtue,
Or walk with kings – nor lose the common touch,
If neither foes nor loving friends can hurt you...
Yours is the earth and everything that's in it."*
(Rudyard Kipling)

**Ucapan Penerima Anugerah Ijazah Kehormat
Doktor Perubatan
oleh
Yang Berbahagia Dato' Dr. Mahmood Osman Merican**

Sidang Pertama - Sabtu, 20 Oktober 2018 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum.

Mengadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Tuanku Canselor,
Universiti Malaya

Ampun Tuanku,

Patik dengan penuh takzim merafak sembah merakam setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Tuanku atas penghargaan yang telah diberikan kepada patik dengan penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan.

Ampun Tuanku,

Patik mohon limpah perkenan Tuanku untuk menyampaikan sepatah dua kata kepada para hadirin sekalian.

Dif-dif Kehormat, Warga Universiti Malaya, Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya amat berbesar hati dan berterima kasih atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan dari Universiti Malaya. Ucapan terima kasih saya sampaikan juga kepada Dato' Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman atas bacaan biografi diri saya.

Saya percaya berusia 83 tahun, sayalah yang paling tua yang hadir pada hari ini. "*Relax and be ready to hear the ramblings of an old man*".

UM sangat bermakna kepada saya. Di sutulah saya bertemu jodoh saya, Ragayah. Isteri saya dan dua abang saya, Dato Dr. Carleel dan Dato Dr. Ezanee semua nya graduan UM di Singapura.

Anak saya, Sarina, menerima Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang di Dewan Tunku Canselor disini. Di Dewan ini juga anak saya, Prof. Azhar,

menerima Ijazah Master of Orthopaedic Surgery. Kedua-duanya turut hadir dalam Dewan pada hari ini.

Saya mengucapkan tahniah kepada Universiti Malaya atas pencapaian kedudukan ke-87 dalam QS University World Ranking tahun ini. Dengan ini, Universiti Malaya menjadi satu-satunya Universiti negara kita yang tergolong dalam *Top 100* di dunia!

Walau bagaimanapun, kedudukan di peringkat antarabangsa tidak harus menjadi fokus tunggal Universiti. Kita juga mesti berusaha untuk meningkatkan kemajuan negara dan rakyat, terutamanya dalam era perubahan yang bersejarah ini.

Penyelidikan tidak seharusnya hanya untuk penyelidikan semata-mata. Penyelidikan harus dapat membantu menangani masalah kesihatan rakyat. Dana penyelidikan saya menyediakan pembiayaan untuk kerja-kerja sedemikian.

Seperti Profesor Adeeba, saya datang dari Kelantan. "Ore Kelate". Kelantan ni lain. Sangat lain. Di sana saya berkolaborasi dengan Universiti Sains Malaysia menyediakan klinik bergerak untuk membantu pesakit yang telah tua dan yang memerlukan bantuan di kampung-kampung.

Para hadirin sekalian,

Selama 60 tahun bertugas sebagai doktor, saya telah melihat banyak perubahan besar yang dapat kita banggakan terutamanya terhadap sistem penjagaan kesihatan negara yang berjaya mempertingkatkan taraf kesihatan awam setanding dengan negara maju.

Walau bagaimanapun, beberapa perkembangan kebelakangan ini turut menimbulkan keimbangan. Antaranya adalah pengkomersialan perkhidmatan kesihatan (*commercialisation of healthcare*),

kenaikan kos perubatan, kemerosotan standard etika, pengiklanan yang keterlaluan dan kemerosotan kualiti latihan doktor muda.

Ini telah menyebabkan rasa hormat masyarakat terhadap doktor semakin berkurangan. Oleh sebab itu, amalan etika yang baik perlu diberi penekanan dengan meletakkan kepentingan pesakit sebagai pertimbangan utama.

Para hadirin sekalian,

Salah satu kenangan tragis dalam hidup saya ialah rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Untuk kebanyakan para hadirin tragedi itu berlaku pada zaman silam. Pada masa itu saya mengetui Jabatan Ortopedik di Hospital Besar Kuala Lumpur, tertempat di kawasan rusuhan yang terburuk.

Penyebab utama rusuhan adalah polarisasi kaum (*racial polarisation*), perasaan kebencian antara orang Melayu dan orang Cina; orang Melayu merasa kehilangan hak di negara mereka sendiri sementara orang Cina merasa mereka didiskriminasikan.

Hampir 50 tahun sudah berlalu. Sedihnya, polarisasi perkauman pada hari ini telah menjadi semakin ketara. Pembahagian perkauman telah dipertingkatkan oleh pelbagai dikotomi seperti sekolah-sekolah kebangsaan, Cina dan Tamil, kehidupan masyarakat bandar dan desa, perbezaan antara yang kaya dan yang miskin, serta perbezaan budaya, bahasa dan agama.

Penekanan terhadap nilai-nilai murni yang lebih asas perlu diberikan tumpuan terutama rasa saling sayang-menayangi, saling menghormati dan menghargai perbezaan antara kaum. Hormatilah semua insan tidak mengira apa jua bangsa, agama atau jantina mereka.

Let's respect the humanity of our fellow beings irrespective of their race, religion or gender. And promote a caring and sharing community.

Kita perlu berusaha untuk meningkatkan dan mengekalkan kehamonian kaum. Satu tugas yang sangat berat. Semangat sebegini perlu disemai di sekolah-sekolah dan dipupuk sehingga di peringkat universiti. Saya percaya Universiti Malaya layak atau mampu untuk memimpin, menyokong dan memacu pembaharuan yang diperlukan.

In the onerous task of promoting racial harmony I believe UM is uniquely qualified to discuss the many aspects and to advocate and help carry out the necessary measures.

Ini selaras dengan maksud rangkap akhir lagu UM;

Varsiti kesayanganku,
Sungguh banyak jasamu,
Membentuk insan mulia,
Berilmu berbudaya.

Sekian, terima kasih.

Ampun Tuanku.

**Pidato Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus
untuk
Yang Berusaha Ir. Dr. Masjuki Haji Hassan**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berusaha Profesor Ir. Dr. Abdul Aziz Abdul Raman
Dekan, Fakulti Kejuruteraan**

Sidang Pertama - Sabtu, 20 Oktober 2018 (Pagi)

Masjuki bin Haji Hassan.

Jejaran mengkudu berbias kesuma,
Di celah angsan di Tanah Jawa;
Madah aluan pembuka bicara,
Di Dewan Tunku Canselor kita bersama.

Masjuki bin Haji Hassan dilahirkan pada 2 Februari 1953 di Sungai Besar, Selangor. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Simpang Lima, Sabak Bernam sehingga tahun 1966 dan seterusnya melanjutkan pendidikan menengah rendah di Sekolah Menengah Inggeris, Sungai Besar, Sabak Bernam. Sebagai pelajar yang cemerlang, beliau telah berjaya menyambung pengajian di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak pada tahun 1970 hingga 1972. Kecemerlangan akademiknya terserlah di mana beliau telah menerima tawaran biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menyambung pengajian di Oxford College of Further Education, United Kingdom pada tahun 1972 hingga 1974. Pada tahun 1977, beliau berjaya menerima Ijazah BSc. Hons dalam bidang Kejuruteraan Mekanik dari University of Leeds, UK. Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia telah disuratkan semenjak azali, anak muda yang baharu sahaja menamatkan pengajiannya tidak perlu menunggu lama untuk mendapatkan pekerjaan, beliau telah dilamar oleh Yang Mulia Tengku Datuk Dr. Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim, Dekan Fakulti Kejuruteraan pada masa itu yang melakukan lawatan ke Leeds, UK untuk menjadi tutor di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya bagi memantapkan pembangunan modal insan di Malaysia. Beliau meneruskan pengajian di peringkat ijazah tinggi dan menerima Ijazah Sarjana Sains dalam bidang Tribologi dan PhD dalam bidang Mekanik Pelinciran dari universiti yang sama.

Beliau kembali ke tanah air pada tahun 1982 dan menjadi pensyarah di Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya. Anak jati Selangor ini, menjadi Profesor Madya pada tahun 1992 dan seterusnya sebagai Profesor pada tahun 2010. Sumbangan beliau terus diiktiraf oleh Universiti Malaya di mana beliau telah dilantik sebagai Profesor Kanan pada tahun 2010 sehingga kini. Kepakaran beliau ditonjolkan melalui sumbangan dan pencapaian yang signifikan dalam bidang kejuruteraan mekanikal khasnya dalam sektor automotif dan tenaga alternatif. Beliau telah menjadi pakar rujuk utama bagi sektor tenaga alternatif kepada negara.

Dr. Masjuki bergiat aktif dalam penyelidikan dengan berkerjasama erat dengan ahli akademik dari dalam negara dan universiti terkenal di luar Negara. Beliau juga telah menerima pelbagai jenis dana penyelidikan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa untuk menjalankan penyelidikan berimpak tinggi. Hasil penyelidikan beliau telah diterjemahkan kepada penerbitan artikel jurnal dan paten. Sehingga kini, beliau mempunyai indeks H sebanyak 65 serta mempunyai jumlah sitasi melebihi 12,000. Beliau juga telah berjaya menghasilkan lebih daripada 100 orang graduan di peringkat Doktor Falsafah dan Sarjana di sepanjang perkhidmatan beliau di Universiti Malaya. Di samping memainkan peranan signifikan melebihi 30 tahun dalam melahirkan modal insan negara, beliau juga telah melahirkan ramai ahli akademik dan saintis yang berjaya di merata dunia.

Bakti dicurah, anugerah dibalas. Berkat kecemerlangan beliau dalam bidang yang diceburi, Dr. Masjuki telah menerima pelbagai anugerah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antaranya ialah Anugerah Merdeka 2017 bagi kategori *Outstanding Scholastic*

Achievement, Anugerah *Top One Percent Highly Cited Researcher* oleh Clarivate Analytics 2017, Anugerah *Top Research Scientist* Malaysia oleh Akademi Sains Malaysia 2014 dan Anugerah *Academic Staff with The Top Most Highly Cited Paper* oleh Universiti Malaya pada tahun 2015. Setinggi-tinggi anugerah diberi, tinggi lagi anugerah llahi. Isteri mithali, Puan Rubina Ismail Joo dan

keluarga sentiasa menjadi pendorong untuk beliau terus berjaya. Ternyata Dr. Masjuki merupakan ikon dan kebanggaan Universiti Malaya dan negara.

Jasamu dikenang,
Budimu tak terbilang;
Semangatmu dijulang,
Pencapaianmu gemilang.

Ucapan Penerima Gelaran Profesor Emeritus
oleh
Yang Berusaha Ir. Dr. Masjuki Haji Hassan

Sidang Pertama - Sabtu, 20 Oktober 2018 (Pagi)

Bismillahirahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Menghadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Tuanku Canselor, Universiti Malaya.

Ampun Tuanku,

Patik dengan penuh takzim merafak sembah merakam setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Tuanku atas penghargaan yang telah diberikan kepada patik pada pagi ini dengan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus. Anugerah ini amat bermakna kepada patik oleh kerana ianya diberikan oleh Universiti Malaya di mana patik berkhidmat sepenuh masa di sepanjang kerjaya patik selama lebih 40 tahun, dari 1977 sehingga kini. Ianya lebih istimewa lagi bermakna kepada patik atas kesudian Tuanku mencemar duli menyampaikan anugerah ini.

Ampun Tuanku,

Patik mohon limpah perkenan Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk memberi sedikit ucapan kepada para hadirin sekalian.

Dif-dif Kehormat, Warga Universiti Malaya, Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya terlebih dahulu ingin melafazkan rasa amat syukur kepada Allah SWT, dengan izin-Nya untuk saya menerima gelaran Profesor Emeritus dari Universiti Malaya.

Pada 1 Oktober 1977, setelah saya mendapat ijazah Bachelor of Science (Hons) dalam kejuruteraan mekanikal dari University of Leeds (UK), saya telah melapor diri sebagai pengajar

Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) di Fakulti Kejuruteraan yang ketika itu dekannya ialah Yang Mulia Tengku Mohd Azzman Shariffadeen bin Tengku Ibrahim dan Naib Canselor UM ialah Profesor Diraja Ungku Aziz. Kemudian saya menyambung pengajian ke peringkat sarjana dan setelah tamat pengajian PhD pada tahun 1982 saya kembali ke UM dan berkhidmat sebagai pensyarah.

Setelah 40 tahun berkhidmat di UM, pada hari ini saya dianugerahkan gelaran Profesor Emeritus. Alhamdulillah, ia merupakan satu pengiktirafan dan penghargaan besar untuk menambahkan bakti kepada rakyat Malaysia khususnya dan kepada ummah amnya.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada isteri tercinta, Puan Rubina Ismail Joo yang sentiasa memberi semangat dan dorongan sepanjang kerjaya saya di UM. Terima kasih juga kepada arwah ayah dan arwah ibu, adik-beradik, dan keluarga saya yang sentiasa memberi galakan untuk saya berkarya.

Terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan sekerja dan staf-staf lain di Fakulti Kejuruteraan dan Universiti Malaya.

Para hadirin sekalian,

Mengakhiri ucapan ini, saya memanjatkan doa kepada Allah SWT semoga Allah merahmati kita semua dengan rahmat dan kasih sayang-Nya. Saya juga mendoakan semoga Universiti Malaya yang menjadi kebanggaan kita semua terus maju dalam segenap lapangan dan diberkati Allah.

Ampun Tuanku,

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Ucapan Toh Puan Pro-Canselor
Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong**

Sidang Kedua - Ahad, 21 Oktober 2018 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Istiadat konvokesyen pada pagi ini merupakan Sidang Kedua daripada tujuh sidang yang telahpun bermula pada 20 Oktober 2018 dan akan berakhir pada 23 Oktober 2018.

Dalam istiadat konvokesyen pada kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5,279 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda ataupun Diploma Pascasiswazah. Daripada jumlah tersebut 540 merupakan penerima Ijazah Doktor Falsafah, 1,768 penerima Ijazah Sarjana, 2,928 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 43 penerima Diploma Pascasiswazah Pendidikan.

Di samping itu, konvokesyen pada tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan kepada Dato' Dr. Mahmood bin Osman Merican dan Ijazah Kehormat Doktor Harta Tanah kepada Tan Sri Sr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Dato' Dr. Goh Khean Lee, Datuk Dr. Norma binti Mansor dan Ir. Dr. Masjuki bin Haji Hassan.

Pada pagi ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Doktor Falsafah kepada 77 graduan dan Ijazah Sarjana kepada 726 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian. Selain itu, Universiti Malaya juga akan

menganugerahkan Diploma Pascasiswazah Pendidikan kepada 43 graduan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Hari ini sudah tentu merupakan hari yang penuh ceria bagi para graduan sekalian. Sesungguhnya pada hari ini anda menikmati kejayaan atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah anda sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. Dalam kegembiraan anda menikmati kejayaan pada hari ini, harus diingatkan bahawa hasil yang dikecapi hari ini mungkin tidak akan tercapai tanpa sokongan, dorongan dan juga irungan doa restu ibu bapa, kaum keluarga, sahabat handai, rakan-rakan serta masyarakat di sekeliling anda. Justeru, dalam meraikan hari yang penuh bersejarah dalam kalender kehidupan anda ini, jangan pernah anda lupa akan pengorbanan dan perit jerih ibu ayah dalam memastikan anda berada di dalam dewan yang bersejarah ini pada hari ini.

Kejayaan anda bukanlah milik mutlak anda seorang diri, sebaliknya pandang dan fikirkanlah pengorbanan ibu ayah anda yang tidak terhitung nilainya. Setiap agama masing-masing ada caranya tersendiri untuk menghormati ibu bapa mereka. Agama Islam contohnya menuntut anak-anak untuk menunjuk rasa hormat kepada ibu bapa mereka seperti firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya, ibunya yang telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir susuannya) ialah dalam masa dua tahun, (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu serta kepada Aku juga tempat kembali”. (Surah Luqman ayat 14)

Berdasarkan ayat ini, Allah telah mewajibkan kepada semua manusia untuk mengasihi dan membala jasa dan pengorbanan ibu bapa dengan penuh kasih sayang. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan mereka sungguh tidak terkira nilainya.

Tanam keledek tumbuh melata,
Tumbuh subur di tepi telaga;
Kasihkan anak bersengkang mata,
Sanggup berkorban jiwa dan raga.

Selain itu, janganlah anda lupakan jasa para guru dan pensyarah yang telah memberi anda pelajaran. Hargailah segala ilmu yang telah anda terima, dan manfaatkannya untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Semoga anda para graduan pada hari ini akan menjadi warga Malaysia yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Sebagai graduan Universiti Malaya anda pastinya akan dipandang tinggi oleh masyarakat sekeliling. Maka tunjukkanlah sikap yang baik dan aplikasikanlah segala ilmu yang anda peroleh untuk kesejahteraan masyarakat dan negara. Graduan hari ini perlu memiliki jati diri yang kuat, berfikiran positif, mengamalkan sifat amanah serta berintergriti semasa di alam pekerjaan. Ini membolehkan graduan yang dilahirkan dari UM dapat dijadikan *role model* kepada masyarakat sekitar dan menjadi contoh serta ikutan kepada generasi yang lebih muda. Inilah yang memastikan produk jenama UM merupakan jenama yang terbaik, jenama yang tersohor.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Kita kini hidup dalam dunia yang semakin berubah. Dunia berada di ambang revolusi teknologi yang akan mengubah cara kita hidup, cara kita bekerja, dan cara kita berhubungan dengan orang lain. Kita kini berada dalam ambang Revolusi Industri Keempat atau dalam istilah yang lebih popular, IR 4.0.

Kalau kita menoleh ke belakang, Revolusi Industri Pertama bermula pada tahun 1784. Revolusi Kedua pula pada sekitar tahun 1870 yang telah mengubah ekonomi dunia menjadi skala yang amat besar. Seterusnya Revolusi Ketiga yang berlangsung mulai tahun 1969 apabila tenaga elektronik dan teknologi maklumat mula digunakan untuk mengautomasikan pengeluaran. Kini IR 4.0

terbina daripada revolusi sebelumnya, iaitu revolusi digital yang telah bermula sejak pertengahan abad yang lalu. Ia dicirikan oleh gabungan teknologi yang menggabungkan tiga ilmu, iaitu fizik, digital, dan biologi.

IR 4.0 kini membolehkan ribuan juta manusia dihubungkan dengan peranti mudah alih, kerana dengan kemampuan memproses yang jauh lebih hebat, dengan kapasiti penyimpanan yang jauh lebih besar, dan sehingga tiada lagi batasan, maka kini sesiapa sahaja dapat memperoleh ilmu pengetahuan. Pencapaian ini ditambahkan lagi dengan penemuan teknologi yang baru muncul dalam bidang seperti kecerdasan buatan, robotik, pelbagai penemuan daripada internet atau *the Internet of Things*, percetakan 3-D, nanoteknologi, bioteknologi, penyimpanan tenaga, dan pengkomputeran kuantum. Semua faktor tersebut digembangkan untuk membawa kesejahteraan hidup manusia pada hari ini.

Selaras dengan gagasan dan perkembangan teknologi masa kini serta selari dengan kedatangan era IR 4.0, para graduan yang bakal memasuki pasaran pekerjaan mestilah bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan persekitaran bagi memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang kompetitif tanpa sempadan. Para graduan perlu mengenal pasti bidang pengkhususan untuk terus berdaya saing di peringkat global memandangkan kemajuan teknologi dalam era IR 4.0 adalah berlandaskan produktiviti dan gerakan industri bermatlamatkan aktiviti nilai tambah yang tinggi.

IR 4.0 akan memodenkan semua sektor yang menjurus ke arah pendigitalan sejarah dengan keperluan semasa. Hal ini amatlah berhubung rapat dengan tuntutan keperluan Industri 4.0 yang berasaskan teknologi komputer dan pengautomasi. Untuk itu, sumber manusia perlu diberi pendekatan. Graduan perlu melengkapkan keupayaan diri masing-masing dalam menangani tuntutan IR 4.0 ini. Fenomena Revolusi Industri ini memerlukan sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk dapat bersaing. Justeru, para graduan hendaklah bersedia menuju ke arah perubahan ini.

Para graduan hari ini mestilah sentiasa bersedia memperlengkap serta memperkuuh ilmu dan kemahiran selari dan sepadan dengan ciri-ciri yang digariskan oleh Forum Ekonomi Dunia, antaranya kemahiran menyelesaikan masalah yang

kompleks, kemahiran menjadi pemimpin dan ahli pasukan yang berkesan serta memiliki kepintaran emosi dan nilai integriti dan moral yang terpuji. Dengan memiliki kemahiran yang disebutkan itu, para graduan mampu menyesuaikan diri dengan keperluan teknologi semasa dan tuntutan hidup yang semakin berubah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Masyarakat juga harus sedar bahawa salah satu kesan yang timbul daripada ledakan IR 4.0 adalah bahawa revolusi ini mampu menghakis nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Tekanan persekitaran akibat ledakan revolusi ini yang meliputi aspek teknologi, ekonomi, sosial dan sebagainya, mampu menggugat kesejahteraan serta kelangsungan organisasi serta sumber manusia. Jika ia tidak ditangani dengan bijak, tekanan ini boleh menjelaskan kualiti kehidupan masyarakat. Yang kita bimbang, masalah berkait sumber manusia ini mungkin boleh menyebabkan organisasi mengalami penyusutan daya saing yang akhirnya menjelaskan produktiviti organisasi mahupun negara. Sudah tentu masyarakat akan menerima kesan buruknya.

Kita juga harus sedar bahawa negara kita masih terkebelakang dalam hal berkaitan elemen-elemen penjanaan ekonomi dan industri, yang kebanyakannya masih dilakukan secara manual. Justeru, kemunculan IR 4.0 pasti akan membawa banyak manfaat ke arah menjana pendapatan dan ekonomi yang lebih baik kepada masyarakat. Penghijrahan kepada teknologi dagang maya atau e-commerce bakal membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat. Dengan wujudnya peluang-peluang perniagaan gaya baru ini, setiap individu dan masyarakat boleh berusaha niaga dengan menjual dan membeli barang atau produk melalui aplikasi tertentu dengan kos yang lebih murah dan mudah. Dengan itu, saya menyarankan agar kesempatan ini dapat direbut sebaik mungkin oleh para graduan dan tidak hanya mengharapkan pekerjaan makan gaji semata-mata, sama ada dalam sektor perkhidmatan awam mahupun swasta.

Bagi mendepani era yang mencabar ini Universiti Malaya telah menyediakan acuan bagi melahirkan graduan yang dilengkapi dengan kemahiran abad ke-21, iaitu kemahiran pembelajaran agar graduan yang dikeluarkan mampu untuk berdaya saing

pada era milenium baharu ini. Kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21 meliputi kemahiran-kemahiran berkomunikasi, sains dan teknologi, interpersonal dan tidak ketinggalan kemahiran intrapersonal. Semua kemahiran ini melibatkan elemen kreativiti dan inovasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kolaborasi, literasi media, teknologi dan maklumat, fleksibiliti dan keupayaan untuk menyesuaikan diri, berinisiatif dan mempunyai haluan diri, kemahiran sosial dan antara-budaya, produktiviti dan akauntabiliti serta kepimpinan dan tanggungjawab. Semua istilah yang disebutkan itu besar pengertiannya dan perlu dipupuk di dalam diri para graduan untuk mempersiapkan diri mereka pada masa depan.

Itulah yang cuba diintegrasikan dalam sistem pendidikan universiti pada masa ini, termasuk di Universiti Malaya. UM sentiasa memastikan kurikulum dan silibus setiap program pengajian yang ada sentiasa disemak, dikemas kini, ditambah baik dan ditambah nilai supaya selari dengan perubahan dalam dunia kerjaya semasa dan juga masa depan. Dengan ini graduan yang dilahirkan akan mudah untuk memasarkan diri masing-masing bagi menembusi pasaran kerja dalam suasana dan keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Malah, graduan Universiti Malaya turut dibekalkan dengan kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah ini dapat menyumbang terhadap kredibiliti dan nilai pasaran graduan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Kemahiran ini mempunyai objektifnya sendiri, terutama dalam melahirkan graduan yang mampu berdaya saing, prihatin dan mampu berinteraksi serta responsif terhadap piawai yang ditetapkan oleh pihak industri. Sebenarnya, keseluruhan bentuk kemahiran ini membabitkan penggunaan sains, teknologi, keusahawanan, komunikasi, etika serta profesionalisme yang tinggi.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya serta Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan serta komitmen tinggi yang diberikan bagi membolehkan Universiti Malaya melonjak ke kedudukan tangga ke-87 dalam QS World University Rankings pada tahun 2018 berbanding kedudukan di tangga ke-114 pada tahun 2017.

Setinggi-tinggi tahniah! Kejayaan ini sangat membanggakan kerana Universiti Malaya kini berada dalam kelompok 100 terbaik dunia. Kita percaya bahawa proses pengantarabangsaan Universiti Malaya akan terus menjadi agenda penting untuk menjadikan universiti ini sebagai institusi yang unggul dan terus disegani di peringkat antarabangsa.

Tahniah saya ucapan kepada seluruh tenaga pengajar serta warga Universiti Malaya yang telah

bertungkus-lumus memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Pidato Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus
untuk
Yang Berbahagia Dato' Dr. Goh Khean Lee**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berbahagia Dato' Profesor Dr. Adeeba Kamarulzaman
Dekan, Fakulti Perubatan**

Sidang Kedua - Ahad, 21 Oktober 2018 (Pagi)

Goh Khean Lee.

Goh Khean Lee dilahirkan pada 15 Julai 1956 di Pulau Pinang. Beliau yang lebih mesra dengan panggilan KL Goh dalam kalangan teman dan rakan sejawat, telah mendapat pendidikan rendah di Institut St. Michael, Ipoh dan Sekolah La Salle di Brickfields, Kuala Lumpur sementara sekolah menengah di St John's Institution, Kuala Lumpur. Beliau mempelajari bidang perubatan di Fakulti Perubatan, Universiti Malaya bermula tahun 1975 hingga tahun 1980. Memulakan kerjayanya di Hospital Universiti, Kuala Lumpur pada 1980 dan kemudiannya berkhidmat sebagai Pensyarah di Universiti Malaya selepas memperolehi Membership of The Royal College of London (MRCP) pada tahun 1984 dan terus cemerlang sehingga ke jawatan Profesor pada tahun 1998. Beliau juga pernah menerima latihan di Royal Infirmary Glasgow, United Kingdom pada 1987 dan meluangkan setahun di Jabatan Gastroenterologi dan Hepatologi, Academic Medical Center, University of Amsterdam pada 1991.

Sebagai seorang guru yang mengamalkan konsep pembelajaran sepanjang hayat, Dato' Dr. KL Goh amat disayangi oleh para pelajarnya sehingga dipilih sebagai "Pensyarah Terbaik" oleh Persatuan Pelajar Perubatan selama beberapa tahun berturut-turut. Beliau menjadi mentor kepada ramai doktor sepanjang kerjayanya dalam sub-kepakaran Gasteroenterologi. Dato' Dr. KL Goh telah mempamerkan kemahiran kepimpinan yang tinggi dengan memegang pelbagai jawatan pentadbiran di Universiti termasuk Ketua Jabatan, ahli Senat, Dekan, Health and Translational Medicine Cluster dan Ketua, Unit Gasteroenterologi dan Hepatologi serta Ketua Unit Gastrointestinal (GI) Endoscopy, PPUM.

Unit Gasteroenterologi yang ditubuhkan oleh Dato' Dr. KL Goh merupakan yang terbaik di

Malaysia dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa sebagai Centre of Excellence oleh Organisasi Endoskopi Dunia (WEO) pada Jun 2008. Anugerah ini terus diterima pada tahun 2015 hingga 2020. Unit Latihan GI Endoskopi yang bertempat di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) kini menjadi pusat latihan yang digemari oleh pakar perubatan dari dalam negara dan luar negara seperti dari Filipina, Myanmar, Maghribi, Thailand dan Mauritius.

Beliau telah memperolehi ijazah Doktor Perubatan (M.D) Universiti Malaya dengan tesis bertajuk "*Helicobacter pylori in Malaysia*". Kerja penyelidikan ini telah banyak dijadikan bahan rujukan di seluruh dunia. Sepanjang kariernya, beliau telah menerima banyak geran penyelidikan yang besar. Beliau telah menjadi ahli utama Marshall Research Centre di Universiti Malaya dan telah menerima geran Penyelidikan berimpak tinggi (HIR) yang besar untuk penyelidikan dalam pelbagai aspek jangkitan *H. pylori*.

Sebagai perintis dalam bidang gastroenterologi, Dato' Dr. KL Goh telah memberi sumbangan yang besar dalam bidang gastroenterologi dan hepatologi di Malaysia dan di peringkat antarabangsa seperti contoh menjadi Presiden bagi Malaysian Society of Gastroenterology and Hepatology dan Presiden Persatuan Gastroenterologi Asia Pasifik. Beliau juga kerap dijemput sebagai penceramah jemputan dan pembicara utama dalam persidangan saintifik di Eropah, Amerika Utara dan seluruh rantau Asia Pasifik. Dato' Dr. KL Goh telah diiktiraf sebagai pemimpin dalam bidang gastroenterologi and endoskopi secara meluas di peringkat antarabangsa.

Beliau dikurniakan dengan darjah Kehormat Kesatria Setia Diraja oleh Kebawah DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang membawa gelaran Dato' dan darjah Kehormat

Dato' Paduka Mahkota Perak daripada DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan. KL Goh telah bersara pada 14 Julai 2016 setelah berkhidmat dengan penuh setia di Universiti

Malaya selama 36 tahun dan berjaya membawa nama dan reputasi Universiti Malaya ke persada dunia melalui pendidikan dan penyelidikannya dalam bidang gastroenterologi.

Ucapan Penerima Gelaran Profesor Emeritus
oleh
Yang Berbahagia Dato' Dr. Goh Khean Lee

Sidang Kedua - Ahad, 21 Oktober 2018 (Pagi)

Yang Amat Berbahagia Toh Puan Pro-Canselor, Yang Berbahagia Datuk Naib Canselor dan para hadirin sekalian. Salam Sejahtera.

Sesungguhnya hari ini merupakan hari yang sangat istimewa untuk saya dengan penganugerahan gelaran Profesor Emeritus oleh universiti yang telah mendidik saya, Universiti Malaya.

Untuk makluman sidang dewan, Universiti Malaya sentiasa di hati saya. Saya telah menuntut di sini dari 1975 sehingga 1980 sehingga bergelar graduan yang memegang Ijazah Sarjana Perubatan dan Sarjana Pembelahan. Justeru, saya telah mendapat ijazah MRCP (UK) dalam tahun 1984. Selanjutnya, saya telah berkhidmat di sini selama 36 yang mana 32 tahun kebelakangan ini sebagai kakitangan akademik.

Penganugerahan ini merupakan kemuncak perjalanan akademik saya dan saya sangat terhutang budi kepada Naib Canselor dan Universiti atas pengurniaan anugerah ini.

Selama 36 tahun berkhidmat di sini telah mencambahkan cinta saya kepada universiti ini kerana ia telah memberikan saya peluang untuk diajar dan belajar, dan menyubur mekarkan kehidupan saya. Yang paling utama, ia telah memberikan saya peluang untuk membala budi dengan berkongsi pengalaman dan pengetahuan yang telah saya pelajari dengan pelajar-pelajar sarjana dan pascasiswazah saya. Sebagai seorang doktor dan pendidik, pementoran pelajar dan pelatih muda merupakan kecintaan dan ganjaran yang tidak ternilai. Saya sentiasa menghargai pengalaman ini dan terhutang budi kepada Universiti yang telah memberikan peluang sebegini kepada saya.

Kehidupan saya di Universiti ini telah mengajar saya tiga prinsip kehidupan yang penting iaitu merendah hati (*humility*), bekerja keras (*hard work*) dan kejujuran (*honesty*). Mengamalkan sikap merendah hati akan membolehkan kita untuk terus belajar dan memperbaiki diri kita. Bekerja

keras adalah nilai murni yang tersendiri manakala kejujuran adalah ciri yang penting yang perlu kita amalkan dalam setiap perkara yang kita lakukan. Kesemua prinsip ini membolehkan saya berada di landasan yang baik dalam kehidupan profesional dan akademik saya, justeru, saya berasa berbesar hati untuk berkongsi dengan anda semua pada hari ini, terutamanya dalam kalangan ramai graduan muda yang begitu bersemangat yang bakal memulakan perjalanan kerjaya masing-masing.

Pada suatu ketika dahulu, menjadi seorang doktor adalah mudah. Ketika itu, apa yang diperlukan oleh seorang doktor adalah meja, kerusi dan stetoskop. Senario itu tidak lagi relevan pada masa kini. Kerjaya perubatan, dewasa ini telah berkembang pesat melangkaui imaginasi kita sejajar dengan perkembangan teknologi. Pengetahuan sangat penting dalam mengamalkan perubatan dan suatu ketika dahulu, pelajar perubatan yang terbaik adalah mereka yang berjaya merakam banyak pengetahuan dalam minda mereka. Namun, bidang perubatan telah berubah secara dramatik. Di era moden ini, memperoleh pengetahuan secara relatifnya, adalah mudah. Kemahiran berfikir dan kemahiran berkomunikasi yang berkesan adalah sangat penting kepada doktor sekarang ini sebagaimana juga dalam bidang-bidang yang lain. Pengajaran dan pembelajaran dalam bidang perubatan telah berubah dan akan terus berevolusi sejajar dengan perjalanan masa.

Kehidupan profesional dan akademik saya banyak berkisar dalam bidang gastroenterologi dan hepatologi, yang merupakan pengkhususan pilihan saya. Endoskopi gastrousus adalah merupakan aspek permulaan dalam amalan klinikal dan sejak dari mula, saya telah menyemai azam untuk menjadi seorang pakar endoskopi terapeutik. Endoskopi terapeutik membolehkan kita merawat pelbagai penyakit gastrousus dan hati secara invasif yang minimal dengan menggunakan skop. Saya telah melalui cuti sabatikal selama setahun yang telah merubah kehidupan saya pada 1991 di Pusat Perubatan Akademik, Universiti Amsterdam di bawah bimbingan ahli endoskopi bilari yang

terkemuka iaitu Profesor Kees Huibregtse. Sehingga kini, melakukan endoskopi terapeutik masih kekal menjadi kegemaran saya.

Untuk menjalankan prosedur ini secara berkesan dan selamat, Hospital Universiti yang kemudiannya dinamakan semula sebagai Pusat Perubatan Universiti Malaya perlu menubuhkan sebuah unit khas. Di bawah kepimpinan Dekan dan Pengarah Hospital yang berwawasan (berpandangan jauh) seperti Dato Profesor Anuar Zaini, kami telah membangunkan unit endoskopi yang terbaik yang sehingga ke hari ini masih merupakan pusat endoskopi gastrousus yang terkemuka di negara ini. Pertubuhan Endoskopi Sedunia (World Endoscopy Organization atau WEO) telah mengiktiraf pusat ini sebagai *Center of Excellence* pada 2008 kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Pada permulaan kerjaya saya sebagai pensyarah, Profesor T.G. Loh yang pada ketika itu merupakan Ketua Jabatan Perubatan telah memberi nasihat yang lazim kepada saya mengenai "menerbitkan atau dimusnahkan". Jadi saya mula menulis beberapa kertas saintifik bersama beliau dan Profesor Florence Wang, Ketua Jabatan Perubatan yang berikutnya. Pada mulanya saya berbuat demikian kerana lebih kepada rasa tanggungjawab berbanding dengan minat. Walau bagaimanapun, secara perlahan-lahan, saya dapat menjalankan penyelidikan dan penerbitan bukan sahaja menarik dan memuaskan tetapi merupakan bahagian yang penting dalam amalan baik klinikal. Saya mula mengkaji jangkitan dalam perut manusia yang baru sahaja ditemui pada 1985 dipanggil *Helicobactor pylori*. Dengan galakan Profesor Guido Tytgat dari Amsterdam, pada 1996, saya telah berjaya habis menulis tesis kedoktoran saya berjudul "Jangkitan *Helicobactor pylori* di Malaysia – epidemiologi, perspektif demografi dan klinikal" yang sering dipetik sehingga kini. Sejak itu, saya telah menerbitkan penulisan dalam pelbagai bidang gasteroenterologi, penyakit hati terutamanya dalam epidemiologi kanser gastrousus dan kanser hati.

Saya sangat teruja apabila mengetahui bahawa bibliometriks (*citation index*) saya adalah yang tertinggi dalam bidang bioperubatan di negara ini sehingga ke hari ini.

Gasteroenterologi merupakan bidang yang baru ketikasayabarubertapak. Ia memerlukan organisasi dan pelan tindakan untuk membangunkan bidang ini secara saintifik. Melalui jawatan saya sebagai Ketua Unit Gasteroenterologi dan Hati dan unit Endoskopi GI, saya telah berjaya mengembangkan usaha dan pengaruh kami ke seluruh negara. Kami telah menerima ramai pelatih dari dalam mahu pun luar sistem Hospital Universiti dan secara beransur-ansur kami juga mula menerima pelatih dari luar negara. Saya telah diberi amanah untuk menjawat beberapa jawatan kepimpinan di peringkat rantau ini dan antarabangsa. Saya telah dilantik sebagai Naib Presiden Pertubuhan Gasteroenterologi Dunia (World Gastroenterology Organization) pada 2010-2014 dan kini menyandang jawatan Presiden, Asian Pacific Digestive Week Federation. Justeru, saya amat berbesar hati apabila saya dianugerahkan Anugerah Merdeka pada 2011 untuk Pencapaian Akademik yang Cemerlang (Outstanding Scholastic Achievement) dalam "Meningkatkan Kajian dan Amalan Gasteroenterologi dan Hepatologi ke piawaian Global di Malaysia". Anugerah ini bukan sekadar tanda pengiktirafan peribadi kepada saya tetapi yang paling utama, merupakan pengiktirafan kepada institusi di mana saya menabur bakti – Universiti Malaya.

Akhir sekali, semua pencapaian ini tidak mungkin saya kecapi tanpa kasih sayang dan sokongan daripada isteri dan keluarga saya. Mereka setia bersama saya selama ini dan tiada ucapan penghargaan yang mampu menzahirkan kasih sayang yang telah mereka berikan kepada saya.

Dengan penuh rasa bangga dan merendah hati, saya menerima Anugerah Profesor Emeritus pada hari ini dari Universiti Malaya yang saya cintai.

**Ucapan Toh Puan Pro-Canselor
Yang Amat Berbahagia Toh Puan Dato' Seri Hajjah Dr. Aishah Ong**

Sidang Ketiga - Ahad, 21 Oktober 2018 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Istiadat konvokesyen pada pagi ini merupakan Sidang Ketiga daripada tujuh sidang yang telahpun bermula pada 20 Oktober 2018 dan akan berakhir pada 23 Oktober 2018.

Dalam istiadat konvokesyen pada kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5,279 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda ataupun Diploma Pascasiswazah. Daripada jumlah tersebut 540 merupakan penerima Ijazah Doktor Falsafah, 1,768 penerima Ijazah Sarjana, 2,928 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 43 penerima Diploma Pascasiswazah Pendidikan.

Di samping itu, konvokesyen pada tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan kepada Dato' Dr. Mahmood bin Osman Merican dan Ijazah Kehormat Doktor Harta Tanah kepada Tan Sri Sr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Dato' Dr. Goh Khean Lee, Datuk Dr. Norma binti Mansor dan Ir. Dr. Masjuki bin Haji Hassan.

Pada petang ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada 766 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Hari ini sudah tentu merupakan hari yang penuh ceria bagi para graduan sekalian. Sesungguhnya pada hari ini anda menikmati kejayaan atas

segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah anda sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. Dalam kegembiraan anda menikmati kejayaan pada hari ini, harus diingatkan bahawa hasil yang dikecapi hari ini mungkin tidak akan tercapai tanpa sokongan, dorongan dan juga irungan doa restu ibu bapa, kaum keluarga, sahabat handai, rakan-rakan serta masyarakat di sekeliling anda. Justeru, dalam meraikan hari yang penuh bersejarah dalam kalender kehidupan anda ini, jangan pernah anda lupa akan pengorbanan dan perit jerih ibu ayah dalam memastikan anda berada di dalam dewan yang bersejarah ini pada hari ini.

Kejayaan anda bukanlah milik mutlak anda seorang diri, sebaliknya pandang dan fikirkanlah pengorbanan ibu ayah anda yang tidak terhitung nilainya. Setiap agama masing-masing ada caranya tersendiri untuk menghormati ibu bapa mereka. Agama Islam contohnya menuntut anak-anak untuk menunjuk rasa hormat kepada ibu bapa mereka seperti firman Allah dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya, ibunya yang telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir susuannya) ialah dalam masa dua tahun, (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu serta kepada Aku juga tempat kembali”. (Surah Luqman ayat 14)

Berdasarkan ayat ini, Allah telah mewajibkan kepada semua manusia untuk mengasihi dan membalaik jasa dan pengorbanan ibu bapa dengan penuh kasih sayang. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan mereka sungguh tidak terkira nilainya.

Tanam keledek tumbuh melata,
Tumbuh subur di tepi telaga;
Kasihkan anak bersengkang mata,
Sanggup berkorban jiwa dan raga.

Selain itu, janganlah anda lupakan jasa para guru dan pensyarah yang telah memberi anda pelajaran. Hargailah segala ilmu yang telah anda terima, dan manfaatkannya untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Semoga anda para graduan pada hari ini akan menjadi warga Malaysia yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Sebagai graduan Universiti Malaya anda pastinya akan dipandang tinggi oleh masyarakat sekeliling. Maka tunjukkanlah sikap yang baik dan aplikasikanlah segala ilmu yang anda peroleh untuk kesejahteraan masyarakat dan negara. Graduan hari ini perlu memiliki jati diri yang kuat, berfikiran positif, mengamalkan sifat amanah serta berintergriti semasa di alam pekerjaan. Ini membolehkan graduan yang dilahirkan dari UM dapat dijadikan *role model* kepada masyarakat sekitar dan menjadi contoh serta ikutan kepada generasi yang lebih muda. Inilah yang memastikan produk jenama UM merupakan jenama yang terbaik, jenama yang tersohor.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Kita kini hidup dalam dunia yang semakin berubah. Dunia berada di ambang revolusi teknologi yang akan mengubah cara kita hidup, cara kita bekerja, dan cara kita berhubungan dengan orang lain. Kita kini berada dalam ambang Revolusi Industri Keempat atau dalam istilah yang lebih popular, IR 4.0.

Kalau kita menoleh ke belakang, Revolusi Industri Pertama bermula pada tahun 1784. Revolusi Kedua pula pada sekitar tahun 1870 yang telah mengubah ekonomi dunia menjadi skala yang amat besar. Seterusnya Revolusi Ketiga yang berlangsung mulai tahun 1969 apabila tenaga elektronik dan teknologi maklumat mula digunakan untuk mengautomasikan pengeluaran. Kini IR 4.0 terbina daripada revolusi sebelumnya, iaitu revolusi digital yang telah bermula sejak pertengahan abad yang lalu. Ia dicirikan oleh gabungan teknologi yang menggabungkan tiga ilmu, iaitu fizik, digital, dan biologi.

IR 4.0 kini membolehkan ribuan juta manusia dihubungkan dengan peranti mudah alih, kerana dengan kemampuan memproses yang jauh lebih hebat, dengan kapasiti penyimpanan yang jauh lebih besar, dan sehingga tiada lagi batasan, maka kini sesiapa sahaja dapat memperoleh ilmu pengetahuan. Pencapaian ini ditambahkan lagi dengan penemuan teknologi yang baru muncul dalam bidang seperti kecerdasan buatan, robotik,

pelbagai penemuan daripada internet atau *the Internet of Things*, percetakan 3-D, nanoteknologi, bioteknologi, penyimpanan tenaga, dan pengkomputeran kuantum. Semua faktor tersebut digembbleng untuk membawa kesejahteraan hidup manusia pada hari ini.

Selaras dengan gagasan dan perkembangan teknologi masa kini serta selari dengan kedatangan era IR 4.0, para graduan yang bakal memasuki pasaran pekerjaan mestilah bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan persekitaran bagi memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang kompetitif tanpa sempadan. Para graduan perlu mengenal pasti bidang pengkhususan untuk terus berdaya saing di peringkat global memandangkan kemajuan teknologi dalam era IR 4.0 adalah berlandaskan produktiviti dan gerakan industri bermatlamatkan aktiviti nilai tambah yang tinggi.

IR 4.0 akan memodenkan semua sektor yang menjurus ke arah pendigitalan sejajar dengan keperluan semasa. Hal ini amatlah berhubung rapat dengan tuntutan keperluan Industri 4.0 yang berasaskan teknologi komputer dan pengautomasi. Untuk itu, sumber manusia perlu diberi pendedahan. Graduan perlu melengkapkan keupayaan diri masing-masing dalam menangani tuntutan IR 4.0 ini. Fenomena Revolusi Industri ini memerlukan sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk dapat bersaing. Justeru, para graduan hendaklah bersedia menuju ke arah perubahan ini.

Para graduan hari ini mestilah sentiasa bersedia memperlengkap serta memperkuuh ilmu dan kemahiran selari dan sepadan dengan ciri-ciri yang digariskan oleh Forum Ekonomi Dunia, antaranya kemahiran menyelesaikan masalah yang kompleks, kemahiran menjadi pemimpin dan ahli pasukan yang berkesan serta memiliki kepintaran emosi dan nilai integriti dan moral yang terpuji. Dengan memiliki kemahiran yang disebutkan itu, para graduan mampu menyesuaikan diri dengan keperluan teknologi semasa dan tuntutan hidup yang semakin berubah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Masyarakat juga harus sedar bahawa salah satu kesan yang timbul daripada ledakan IR 4.0 adalah bahawa revolusi ini mampu menghakis nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Tekanan persekitaran akibat ledakan revolusi ini yang meliputi aspek teknologi, ekonomi, sosial dan sebagainya, mampu mengugat kesejahteraan serta kelangsungan organisasi serta sumber manusia. Jika ia

tidak ditangani dengan bijak, tekanan ini boleh menjelaskan kualiti kehidupan masyarakat. Yang kita bimbang, masalah berkait sumber manusia ini mungkin boleh menyebabkan organisasi mengalami penyusutan daya saing yang akhirnya menjelaskan produktiviti organisasi mahupun negara. Sudah tentu masyarakat akan menerima kesan buruknya.

Kita juga harus sedar bahawa negara kita masih terkebelakang dalam hal berkaitan elemen-elemen penjanaan ekonomi dan industri, yang kebanyakannya masih dilakukan secara manual. Justeru, kemunculan IR 4.0 pasti akan membawa banyak manfaat ke arah menjana pendapatan dan ekonomi yang lebih baik kepada masyarakat. Penghijrahan kepada teknologi dagang maya atau *e-commerce* bakal membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat. Dengan wujudnya peluang-peluang perniagaan gaya baharu ini, setiap individu dan masyarakat boleh berurus niaga dengan menjual dan membeli barang atau produk melalui aplikasi tertentu dengan kos yang lebih murah dan mudah. Dengan itu, saya menyarankan agar kesempatan ini dapat direbut sebaik mungkin oleh para graduan dan tidak hanya mengharapkan pekerjaan makan gaji semata-mata, sama ada dalam sektor perkhidmatan awam mahupun swasta.

Bagi mendepani era yang mencabar ini Universiti Malaya telah menyediakan acuan bagi melahirkan graduan yang dilengkapi dengan kemahiran abad ke-21, iaitu kemahiran pembelajaran agar graduan yang dikeluarkan mampu untuk berdaya saing pada era milenium baharu ini. Kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21 meliputi kemahiran-kemahiran berkomunikasi, sains dan teknologi, interpersonal dan tidak ketinggalan kemahiran intrapersonal. Semua kemahiran ini melibatkan elemen kreativiti dan inovasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kolaborasi, literasi media, teknologi dan maklumat, fleksibiliti dan keupayaan untuk menyesuaikan diri, berinisiatif dan mempunyai haluan diri, kemahiran sosial dan antara-budaya, produktiviti dan akauntabiliti serta kepimpinan dan tanggungjawab. Semua istilah yang disebutkan itu besar pengertiannya dan perlu dipupuk di dalam diri para graduan untuk mempersiapkan diri mereka pada masa depan.

Itulah yang cuba diintegrasikan dalam sistem pendidikan universiti pada masa ini, termasuk di Universiti Malaya. UM sentiasa memastikan kurikulum dan silibus setiap program pengajian

yang ada sentiasa disemak, dikemas kini, ditambah baik dan ditambah nilai supaya selari dengan perubahan dalam dunia kerja semasa dan juga masa depan. Dengan ini graduan yang dilahirkan akan mudah untuk memasarkan diri masing-masing bagi menembusi pasaran kerja dalam suasana dan keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Malah, graduan Universiti Malaya turut dibekalkan dengan kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah ini dapat menyumbang terhadap kredibiliti dan nilai pasaran graduan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Kemahiran ini mempunyai objektifnya sendiri, terutama dalam melahirkan graduan yang mampu berdaya saing, prihatin dan mampu berinteraksi serta responsif terhadap piawai yang ditetapkan oleh pihak industri. Sebenarnya, keseluruhan bentuk kemahiran ini membabitkan penggunaan sains, teknologi, keusahawanan, komunikasi, etika serta profesionalisme yang tinggi.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya serta Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan serta komitmen tinggi yang diberikan bagi membolehkan Universiti Malaya melonjak ke kedudukan tangga ke-87 dalam QS World University Rankings pada tahun 2018 berbanding kedudukan di tangga ke-114 pada tahun 2017. Setinggi-tinggi tahniah! Kejayaan ini sangat membanggakan kerana Universiti Malaya kini berada dalam kelompok 100 terbaik dunia. Kita percaya bahawa proses pengantarabangsaan Universiti Malaya akan terus menjadi agenda penting untuk menjadikan universiti ini sebagai institusi yang unggul dan terus disegani di peringkat antarabangsa.

Tahniah saya ucapkan kepada seluruh tenaga pengajar serta warga Universiti Malaya yang telah bertungkus-lumus memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Pidato Penganugerahan Gelaran Profesor Emeritus
untuk
Yang Berbahagia Datuk Dr. Norma Mansor**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berusaha Profesor Madya Dr. Rohana Jani
Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran**

Sidang Ketiga - Ahad, 21 Oktober 2018 (Petang)

Norma binti Mansor.

Datuk Dr. Norma Mansor dilahirkan pada 8 September 1957 di Pasir Mas, Kelantan. Merupakan anak kelima daripada enam orang adik beradik, Datuk Norma mendapat pendidikan awal di Sultan Ibrahim School, Pasir Mas, dan Sultan Ismail College, Kota Baru, Kelantan dan meneruskan pengajian peringkat Sarjana Muda di Universiti Malaya pada tahun 1977 dalam program Sarjana Muda Ekonomi. Beliau kemudiannya meneruskan pengajian dalam Sarjana Pentadbiran Awam dan Phd di University of Liverpool, United Kingdom.

Datuk Norma mula berkhidmat sebagai Pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya pada 1 Mei 1985. Beliau dinaikkan pangkat ke jawatan Profesor Madya pada tahun 1992 dan Profesor pada tahun 2000.

Sepanjang berkhidmat di Universiti Malaya, Datuk Norma telah memegang pelbagai jawatan penting antaranya Pengarah, Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (INPUMA) daripada tahun 2001 hingga 2003 dan Dekan, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran daripada tahun 2004 hingga 2009. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Ketua Setiausaha Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) pada tahun 2009 hingga 2011. Beliau kembali bertugas di Universiti Malaya sehingga bersara wajib pada 8 September 2017. Semangat dan kesungguhan beliau untuk mendidik anak bangsa yang tidak pernah putus membuatkan beliau memutuskan untuk menyambung khidmat sebagai Profesor Kontrak di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran sehingga September 2020. Sepanjang tempoh 33 tahun menggalas tanggungjawab sebagai Pensyarah, Datuk Norma telah melahirkan lebih seribu graduan dari Sarjana Muda, Sarjana dan Ijazah Kedoktoran.

Dikenali dengan kepakaran dalam bidang Perlindungan Sosial (*Social Protection*), Polisi Awam (*Public Policy*), Pembangunan dan Governan (*Development and Governance*), Datuk Norma telah menghasilkan lebih daripada 100 tulisan ilmiah dan artikel dalam media masa. Ini termasuklah buku, penerbitan ISI/Scopus, bab dalam buku, kertas prosiding nasional dan antarabangsa serta pelbagai artikel dalam media massa. Beliau juga sering dijemput sebagai ahli panel untuk program-program di kaca television. Beliau juga merupakan *Editor In Chief Journal, Institutions and Economies* dan penilai pelbagai jurnal.

Dilantik sebagai Pengarah Pusat Kesejahteraan Sosial (*Social Wellbeing Research Centre, SWRC*) mulai Oktober 2012 sehingga kini, Datuk Norma merupakan tunggal kejayaan SWRC dalam menjalankan banyak usaha penyelidikan dalam bidang perlindungan sosial.

Sumbangan Datuk Norma dalam bidang ekonomi di Malaysia dan persada antarabangsa tidak dapat disangkal lagi dan ini dapat dibuktikan melalui anugerah-anugerah yang diperolehi oleh beliau antaranya EEC ASEAN Award, Asian Institute of Management - Best Paper Award, Japan Institute of International Affairs , Asia Pacific Rim Universities (APRU) Fellowship, Fulbright Fellowship, M.I.T, Stanford University USA and East West Centre USA, Ragnar Nurske Visiting Professor, Johan Setia Mahkota (J.S.M), Darjah Indra Mahkota Pahang dan Darjah Kebesaran Panglima Jasa Negara (P.J.N), juga sebagai Presiden, Persatuan Ekonomi Malaysia.

Mekar angsana pandang tak jemu,
Bunganya luruh ke dalam raga;
Puan laksana lautan ilmu,
Dasarnya penuh mutiara berharga.

Ucapan Penerima Gelaran Profesor Emeritus
oleh
Yang Berbahagia Datuk Dr. Norma Mansor

Sidang Ketiga - Ahad, 21 Oktober 2018 (Petang)

Bismillahirrahmannirrahim,

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Toh Puan Pro-Canselor dan hadirin sekalian,

Pertamanya, saya ingin mengucap syukur Alhamdulillah atas penganugerahan Profesor Emeritus kepada saya. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Universiti Malaya, tempat di mana saya berada hampir dua per tiga dari umur saya. Anugerah ini juga adalah atas ilmu, tunjuk ajar, interaksi ilmu serta dorongan dan sokongan jitu, guru-guru, rakan seperjuangan dan keluarga saya.

Pendekatan pembelajaran ilmu ekonomi di Universiti Malaya yang diasaskan oleh Profesor Diraja Ungku Aziz adalah ilmu pelbagai disiplin atau multidisiplin. Teori dan empirical ilmu ekonomi, statistik, perniagaan, pembangunan politik, pentadbiran awam adalah asas pembelajaran kami dimana sub-bidang ini amat berkait rapat. Hingga hari ini begitulah ilmu ekonomi diajar termasuk juga ilmu undang-undang. Ini amat sesuai dengan tahap dan kehendak pembangunan nasional pada tahun 1970an dan kini kerana negara kita masih dalam proses pembangunan.

Ilmu ekonomi adalah bidang ilmu yang mengajar pelajarnya berfikir dan bertindak secara sistematis dan analitikal. Bagi memudahkan memahami dan menyelesaikan keadaan realiti, andaian dibuat dan dituntut untuk memikirkan tentang *trade-offs* analisis unit kecil micro kepada yang lebih besar, di peringkat nasional atau makro. Sudah tersirat dalam ilmu itu untuk membuat analisis yang kritis dengan alat atau teori di dalam apa jua keadaan atau masalah sosial. Apa yang dituntut juga ialah pemikiran yang juga inovatif dalam menjana andaian dan *trade-offs*. Tidak semuanya tersedia ada atau nyata.

Toh Puan Pro-Canselor,

Izinkan saya tujukan sebahagian dari ucapan ini kepada para graduan yang dikasihi.

Dunia di luar mengkehendaki graduan yang holistik dan *versatile* – cekap menghadapi apa sahaja tugas. Apa yang kami sebagai pensyarah hanya dapat membekalkan adalah pemikiran dan *empirical evidence* yang ada atau apa yang dipanggil ilmu teknikal. Tanggungjawab kami adalah ke arah pembangunan minda saudara saudari dan jika berasas baik dapat memberi inspirasi supaya setiap dari saudara saudari yang menjelaskan kaki di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran mempunyai minat untuk belajar, untuk menyampaikan dan berfikir. Jika itu berlaku, Alhamdulillah, maka kami telah menjalankan tanggungjawab kami sebagai pendidik. Adalah lebih baik jika kami juga dapat mempengaruhi pembentukan keperibadian – *character* saudara saudari sebagai individu yang bertanggungjawab kepada diri sendiri, ibu bapa masyarakat dan negara. Apa yang saudara saudari lalui di dewan kuliah dan di luar di asrama di bawah HEP, dalam kalangan pensyarah dan rakan sudah cukup persiapan dan senjata untuk dunia pekerjaan atau untuk menjadi usahawan.

Para graduan,

Saudara saudari telah dibekalkan dengan antara ilmu yang cukup sempurna dalam bidang sains sosial dari universiti yang terunggul dalam Negara. Buktikan dengan cara saudara saudari berfikir dan tindak-tanduk. Sentiasa asah minda saudara saudari dengan banyak membaca mengenai apa yang berlaku bukan sahaja di peringkat nasional tetapi juga antarabangsa. Saudara saudari dilahirkan dalam zaman teknologi. Apa yang berlaku semenjak beberapa dekad ini ialah teknologi yang telah mendemokrasikan pengetahuan. Ianya berada di telapak tangan saudara saudari – melalui telefon saudara saudari boleh membaca apa sahaja. Malaysia adalah ahli kepada masyarakat global; apa jua bidang profesion yang akan saudara saudari ceburi mahu tidak mahu berkait dengan perkara global. Pengetahuan yang luas itulah yang akan memberi saudara saudari tahap keyakinan yang tinggi.

Jika ada satu perkara yang saudara saudari dapat simpan dalam ingatan dari ucapan ini – ialah ini;

saudara saudari dari generasi *millennial* yang disebut selalu sebagai berbeza dari generasi saya dan Generasi X iaitu sikap dan motivasi yang berbeza dan adakalanya negatif; harapan saya adalah supaya saudara saudari dapat mengaitkan matlamat tugas atau kerja yang saudara saudari lakukan dengan matlamat yang lebih besar sama ada diri, keluarga organisasi atau negara, mencari makna disebalik apa jua lapangan yang diceburi. Ini akan menambahkan komitmen dan juga integriti dalam menjalankan tugas tersebut – satu peristiwa

yang dapat memperjelaskan apa yang saya maksudkan ialah cerita apabila Presiden Amerika Syarikat John F. Kennedy pada tahun 1960an melawat ibu pejabat NASA dan bertanya kepada tukang sapu; apa tugasnya – dia menjawab untuk meletak manusia di bulan.

Toh Puan Pro-Canselor dan hadirin sekalian.

Wabilahhi Taufik Walhidayah.

Ucapan Tan Sri Pro-Canselor Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob

Sidang Keempat - Isnin, 22 Oktober 2018 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Istiadat konvokesyen pada pagi ini merupakan Sidang Keempat daripada tujuh sidang yang telahpun bermula pada 20 Oktober 2018 dan akan berakhir pada 23 Oktober 2018.

Dalam istiadat konvokesyen pada kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5,279 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda ataupun Diploma Pascasiswazah. Daripada jumlah tersebut 540 merupakan penerima Ijazah Doktor Falsafah, 1,768 penerima Ijazah Sarjana, 2,928 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 43 penerima Diploma Pascasiswazah Pendidikan.

Di samping itu, konvokesyen pada tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan kepada Dato' Dr. Mahmood bin Osman Merican dan Ijazah Kehormat Doktor Harta Tanah kepada Tan Sri Sr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Dato' Dr. Goh Khean Lee, Datuk Dr. Norma binti Mansor dan Ir. Dr. Masjuki bin Haji Hassan.

Pada pagi ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana kepada 276 graduan dan Ijazah Sarjana Muda kepada 527 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Hari ini sudah tentu merupakan hari yang penuh ceria bagi para graduan sekalian. Sesungguhnya

pada hari ini anda menikmati kejayaan atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah anda sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. Dalam kegembiraan anda menikmati kejayaan pada hari ini, harus diingatkan bahawa hasil yang dikecapai hari ini mungkin tidak akan tercapai tanpa sokongan, dorongan dan juga irungan doa restu ibu bapa, kaum keluarga, sahabat handai, rakan-rakan serta masyarakat di sekeliling anda. Justeru, dalam meraikan hari yang penuh bersejarah dalam kalender kehidupan anda ini, jangan pernah anda lupa akan pengorbanan dan jerih perit ibu ayah dalam memastikan anda berada di dalam dewan yang bersejarah ini pada hari ini.

Kejayaan anda bukanlah milik mutlak anda seorang diri, sebaliknya pandang dan fikirkanlah pengorbanan ibu ayah anda yang tidak terhitung nilainya. Allah berfirman dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya, ibunya yang telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir susuannya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun, (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu serta kepada Aku juga tempat kembali”. (Surah Luqman ayat 14).

Berdasarkan ayat ini, Allah telah mewajibkan kepada semua manusia untuk mengasihi dan membalaik jasa dan pengorbanan ibu bapa dengan penuh kasih sayang. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan mereka sungguh tidak terkira nilainya.

Tanam keledek tumbuh melata,
Tumbuh subur di tepi telaga;
Kasihkan anak bersengkang mata,
Sanggup berkorban jiwa dan raga.

Selain itu, janganlah anda lupakan jasa para guru dan pensyarah yang telah memberi anda pelajaran. Hargailah segala ilmu yang telah anda

terima, dan manfaatkannya untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Semoga anda para graduan pada hari ini akan menjadi warga Malaysia yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Sebagai graduan Universiti Malaya anda pastinya akan dipandang tinggi oleh masyarakat sekeliling. Maka tunjukkanlah sikap yang baik dan aplikasikanlah segala ilmu yang anda peroleh untuk kesejahteraan masyarakat dan negara. Graduan hari ini perlu memiliki jati diri yang kuat, berfikiran positif, mengamalkan sifat amanah serta berintergriti semasa di alam pekerjaan. Ini membolehkan graduan yang dilahirkan dari UM dapat dijadikan *role model* kepada masyarakat sekitar dan menjadi contoh serta ikutan kepada generasi yang lebih muda. Inilah yang memastikan produk jenama Universiti Malaya merupakan jenama yang terbaik, jenama yang tersohor.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Kita kini hidup dalam dunia yang semakin berubah. Dunia berada di ambang revolusi teknologi yang akan mengubah cara kita hidup, cara kita bekerja, dan cara kita berhubungan dengan orang lain. Kita kini berada dalam ambang Revolusi Industri Keempat atau dalam istilah yang lebih popular, IR 4.0.

Kalau kita menoleh ke belakang, Revolusi Industri Pertama bermula pada tahun 1784. Revolusi Kedua pula pada sekitar tahun 1870 yang telah mengubah ekonomi dunia menjadi skala yang amat besar. Seterusnya Revolusi Ketiga yang berlangsung mulai tahun 1969 apabila tenaga elektronik dan teknologi maklumat mula digunakan untuk mengautomasikan pengeluaran. Kini IR 4.0 terbina daripada revolusi sebelumnya, iaitu revolusi digital yang telah bermula sejak pertengahan abad yang lalu. Ia dicirikan oleh gabungan teknologi yang menggabungkan tiga ilmu, iaitu fizik, digital, dan biologi.

Selaras dengan gagasan dan perkembangan teknologi masa kini serta selari dengan kedatangan era IR 4.0, para graduan yang bakal memasuki pasaran pekerjaan mestilah bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan persekitaran bagi memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang kompetitif tanpa sempadan. Para graduan perlu mengenal pasti bidang pengkhususan untuk terus berdaya saing di peringkat global memandangkan kemajuan teknologi dalam era IR 4.0 adalah berlandaskan produktiviti dan gerakan industri bermatlamatkan aktiviti nilai tambah yang tinggi.

IR 4.0 akan memodenkan semua sektor yang menjurus ke arah pendigitalan sejarah dengan keperluan semasa. Hal ini amatlah berhubung rapat dengan tuntutan keperluan Industri 4.0 yang berasaskan teknologi komputer dan pengautomasian. Untuk itu, sumber manusia perlu diberi pendedahan. Graduan perlu melengkapkan keupayaan diri masing-masing dalam menangani tuntutan IR 4.0 ini. Fenomena Revolusi Industri ini memerlukan sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk dapat bersaing. Justeru, masyarakat khususnya para graduan hendaklah bersedia menuju ke arah perubahan ini.

Para graduan hari ini mestilah sentiasa bersedia memperlengkap serta memperkuuh ilmu dan kemahiran selari dan sepadan dengan ciri-ciri yang digariskan oleh Forum Ekonomi Dunia, antaranya kemahiran menyelesaikan masalah yang kompleks, kemahiran menjadi pemimpin dan ahli pasukan yang berkesan serta memiliki kepintaran emosi dan nilai integriti dan moral yang terpuji. Dengan memiliki kemahiran yang disebutkan itu, para graduan mampu menyesuaikan diri dengan keperluan semasa teknologi dan tuntutan hidup yang semakin berubah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kita juga harus sedar bahawa kita masih terkebelakang dalam hal berkaitan elemen-elemen penjanaan ekonomi dan industri, yang kebanyakannya masih dilakukan secara manual. Justeru, kemunculan IR 4.0 pasti akan membawa banyak manfaat ke arah menjana pendapatan dan ekonomi yang lebih baik kepada masyarakat. Penghijrahan kepada teknologi dagang maya atau *e-commerce* bakal membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat. Dengan wujudnya peluang-peluang perniagaan gaya baharu ini, setiap individu dan masyarakat boleh berurus niaga dengan menjual dan membeli barang atau produk melalui aplikasi tertentu dengan kos yang lebih murah dan mudah. Dengan itu, saya menyarankan agar kesempatan ini dapat direbut sebaik mungkin oleh para graduan dan tidak hanya mengharapkan pekerjaan makan gaji semata-mata, sama ada dalam sektor perkhidmatan awam maupun swasta.

Bagi mendepani era yang mencabar ini Universiti Malaya telah menyediakan acuan bagi melahirkan graduan yang dilengkapi dengan kemahiran abad ke-21, iaitu kemahiran pembelajaran agar graduan yang dikeluarkan mampu untuk berdaya saing pada era milenium baharu ini. Kemahiran yang

diperlukan pada abad ke-21 meliputi kemahiran-kemahiran berkomunikasi, sains dan teknologi, interpersonal dan tidak ketinggalan kemahiran intrapersonal. Semua kemahiran ini besar pengertiannya dan perlu dipupuk di dalam diri para graduan untuk mempersiapkan diri mereka pada masa depan.

Itulah yang cuba diintegrasikan dalam sistem pendidikan universiti pada masa ini, termasuk di Universiti Malaya. UM sentiasa memastikan kurikulum dan silibus setiap program pengajian yang ada sentiasa disemak, dikemas kini, ditambah baik dan ditambah nilai supaya selari dengan perubahan dalam dunia kerjaya semasa dan juga masa depan. Dengan ini graduan yang dilahirkan akan mudah untuk memasarkan diri masing-masing bagi menembusi pasaran kerja dalam suasana dan keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Malah, graduan Universiti Malaya turut dibekalkan dengan kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah ini dapat menyumbang terhadap kredibiliti dan nilai pasaran graduan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Kemahiran ini mempunyai objektifnya sendiri, terutama dalam melahirkan graduan yang mampu berdaya saing, prihatin dan mampu berinteraksi serta responsif terhadap standard yang ditetapkan oleh pihak industri. Sebenarnya, keseluruhan bentuk kemahiran ini membabitkan penggunaan sains, teknologi, keusahawanan, komunikasi, etika serta profesionalisme yang tinggi.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Akhir kata, saya serta Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan serta komitmen tinggi yang diberikan bagi membolehkan Universiti Malaya melonjak ke kedudukan tangga ke-87 dalam QS World University Rankings pada tahun 2018 berbanding kedudukan di tangga ke-114 pada tahun 2017. Kejayaan ini sangat membanggakan kerana Universiti Malaya kini berada dalam kelompok 100 terbaik dunia. Kita percaya bahawa proses pengantarabangsaan Universiti Malaya akan terus menjadi agenda penting untuk menjadikan universiti ini sebagai institusi yang unggul dan terus disegani di peringkat antarabangsa.

Tahniah saya ucapan kepada seluruh tenaga pengajar serta warga Universiti Malaya yang telah bertungkus-lumus memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Pidato Penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Harta Tanah
untuk
Yang Berbahagia Tan Sri Sr. Abdul Rahim Abdul Rahman**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berusaha Profesor Dr. Yahaya Ahmad
Dekan, Fakulti Alam Bina**

Sidang Keempat - Isnin, 22 Oktober 2018 (Pagi)

Abdul Rahim bin Abdul Rahman.

Di negeri bertuah Cik Siti Wan Kembang, sepasang suami isteri Abdul Rahman bin Mohamed dan Cik Jah binti Che Awang, bersyukur dan bergembira dengan kelahiran zuriat ketiga mereka. Seorang putera telah dilahirkan pada hari Jumaat, 13 Oktober 1939 di Kota Bahru. Diberikan nama yang baik maksudnya: Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Ayahandanya seorang guru manakala bondanya pula seorang ahli perniagaan yang berjaya. Beliau dikurniakan empat orang anak dan dua orang cucu.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Salor dan Sekolah Keb. Kg. Chengal, Kota Bahru sebelum melanjutkan pengajian peringkat menengah di Sultan Ismail College Kelantan dan Penang Free School, Pulau Pinang. Beliau ditawarkan Biasiswa Persekutuan untuk meneruskan pengajian di Hammersmith College of Building, London pada tahun 1962 dan seterusnya College of Estate Management, University of London sehingga memperolehi Professional Diploma in Surveying pada tahun 1966. Ilmu yang diperoleh dalam bilik kuliah dikukuhkan lagi dengan pengalaman dalam industri harta tanah. Beliau berkhidmat selama dua tahun sebagai Pegawai Penilai di London Borough of Hounslow pada tahun 1967-1968 dan ini melayakkan beliau untuk diterima sebagai ahli Associate Royal Institution of Chartered Surveyors. Setelah enam tahun berada di United Kingdom, beliau pulang dengan segulung ijazah, seorang isteri dan seorang anak. Berkhidmat sebagai pegawai penilai di Kementerian Kewangan selama dua tahun, sebagai Pengurus Harta Tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM) selama tiga tahun dan sebagai Pengurus Harta Tanah Bank Bumiputera (M) Berhad juga selama tiga tahun.

Sebagai anak kelahiran Kelantan, kecenderongan dan minat beliau dalam bidang keusahawanan memang wujud sejak dari zaman remaja lagi, apatah lagi dengan semangat keusahawanan dan

dorongan bonda tercinta; *“Ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi”*. Beliau menubuhkan firma perundingan harta tanah sendiri pada tahun 1976 yang dikenali sebagai Rahim & Co. Setelah lebih 40 tahun beroperasi, firma ini telah berkembang maju dan menjadi antara firma harta tanah bumiputera yang terbesar di Malaysia. Kini dikenali sebagai Rahim & Co International Sdn Bhd, firma perunding ini mempunyai lebih 500 orang pekerja di 21 cawangan dan firma associate di Amerika Syarikat, United Kingdom, China, Indonesia dan Thailand.

Upaya dan ketrampilan beliau juga terserlah apabila beliau diberikan amanah untuk memimpin badan profesional dan bukan profesional dalam negara. Beliau merupakan Presiden, Institut Juruukur DiRaja Malaysia bagi penggal 1986-87; Presiden, International Real Estate Federation (FIABCI) Malaysia 1982-86; Yang DiPertua, Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Negeri Kelantan 1985-86 dan Presiden, Persatuan Penilai, Pengurus Harta, Ejen Harta dan Perunding Harta Swasta Malaysia untuk tempoh 1990-92. Atas sumbangan besar serta komitmen yang beliau berikan dalam industri harta tanah, beliau telah dianugerahkan dengan beberapa anugerah tertinggi bidang harta tanah. Beliau turut menerima anugerah FIABCI Medal of Honour pada tahun 1990; Anugerah Best National Property Consultant oleh Lembaga Penilai, Pentaksir, Ejen Harta Tanah dan Pengurus Harta Malaysia 2002; Malaysian Surveyor of the Year oleh Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) 2010 dan 2013; serta Anugerah Lifetime Achievement Award dari Balai Ikhtisas Malaysia, 2015.

Bukan sahaja aktif di peringkat dalam negara, beliau juga turut aktif di peringkat antarabangsa. Beliau adalah anak Malaysia pertama yang dilantik sebagai Timbalan Presiden Sedunia FIABCI bagi penggal 1990-1992; Presiden, Asia Pacific Real Estate Federation (APREF), 1985-

1988; dan penerima Excellence Leadership Award dari Asia Pacific International Entrepreneur Excellence Award untuk tahun 2012, 2013 dan 2014. Kesemua pengiktirafan di atas merupakan bukti kecemerlangan beliau serta kebolehan anak watan bergerak aktif di arena antarabangsa bagi menjulang nama Malaysia.

Beliau telah dianugerahkan dengan Darjah Panglima Setia Mahkota oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang membawa gelaran Tan Sri; Darjah Indera Mahkota Pahang; Darjah Mulia Seri Melaka dan Darjah Dato' Paduka Tuanku Jaa'far. Atas khidmat bakti Tan Sri dalam pelbagai

dimensi sektor harta tanah serta keperihatinan Tan Sri terhadap komuniti dan masyarakat, Tan Sri dilantik sebagai Senator Ahli Dewan Negara pada tahun 2010 dan turut menggalas tanggungjawab sebagai Presiden, Majlis Senator Malaysia sehingga 2016. Tan Sri kini bersama Universiti Malaya sebagai Profesor Adjung di Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Alam Bina.

Buat bangsal di Pulau Daik,
Menahan taut sambil mengilau;
Kalau asal benih yang baik,
Jatuh ke laut menjadi pulau.

**Ucapan Penerima Anugerah Ijazah Kehormat
Doktor Harta Tanah
oleh
Yang Berbahagia Tan Sri Sr. Abdul Rahim Abdul Rahman**

Sidang Keempat - Isnin, 22 Oktober 2018 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob, Pro-Canselor Universiti Malaya, dif-dif kehormat serta para graduan sekalian.

Pada pagi yang mulia ini, saya memanjat syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izinNya saya berada di dalam Dewan Tunku Canselor ini untuk menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Harta Tanah. Saya merakamkan ucapan menjunjung kasih kepada DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Tuanku Canselor yang telah berkenan penganugerahan disempurnakan dalam Istiadat Konvokesyen pada pagi ini. Terima kasih YBhg. Tan Sri Dato' Seri Pro-Canselor Siti Norma Yaakob atas penganugerahan tadi.

Ucapan ribuan terima kasih juga kepada Yang Berbahagia. Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim, Naib Canselor Universiti Malaya, Profesor Dr. Yahya Ahmad, Dekan Fakulti Alam Bina, Dr. Sr. Yasmin Mohd Adnan, Ketua Jabatan Pengurusan Harta Tanah di atas sokongan yang membawa kepada penganugerahan ini.

Ucapan terima kasih tidak akan lengkap tanpa menyebut dorongan serta kerjasama diberikan oleh arwah isteri saya Zainab, isteri saya sekarang Sabihah, anak-anak saya Ida, Ridzuan, Alisa dan Nina, ketua-ketua jabatan syarikat Rahim & Co International Sdn Bhd yang dapat hadir pada pagi ini, bersama dengan kakitangan-kakitangan lain di 21 cawangan yang tidak hadir, tetapi yang telah bersama-sama memberi sokongan, semangat dedikasi dan taraf kerja yang tinggi semenjak syarikat Rahim & Co ditubuhkan lebih dari 40 tahun dahulu. Anugerah yang saya terima hari ini daripada institusi pengajian tinggi yang tertua dalam negara dan termasuk dalam senarai *top 100 universities of the world* adalah amat besar maknanya dan tidak ternilai harganya.

Para hadirin sekalian,

Apabila saya mendapat biasiswa kerajaan pada tahun 1962 untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang harta tanah atau *estate management* di London kerana Universiti Malaya belum lagi ada Fakulti Alam Bina pada masa itu, saya masih ingat Kuala Lumpur hanya mempunyai dua hotel bertaraf 4-bintang iaitu Hotel Merlin dan Hotel Federal.

Apabila saya balik selepas mendapat ijazah dan bekerja di London selama dua tahun, kapal terbang BOAC yang saya naik dalam tahun 1968 mendarat di Subang Airport. Semenjak 1968 iaitu dalam masa 50 tahun, negara kita telah begitu pesat membangun sehingga terdapat bangunan-bangunan pencakar langit bertaraf antarabangsa, termasuk bangunan yang tertinggi di dunia pada satu ketika, dan lapangan terbang yang terbilang di Asia Pasifik.

Negara kita, seperti juga negara-negara lain, akan menghadapi masalah dari masa ke semasa seperti pasaran harta tanah komersial yang menghadapi *oversupply*, bilangan rumah tidak terjual yang menggunung dan isu perumahan mampu milik yang diperbincangkan hampir setiap hari. Tetapi saya penuh yakin dengan *political will*, penggubalan dasar yang sesuai dan yang tidak *di-hijack* separuh jalan dan ditukar sewenang-wenangnya, etika kerja yang penuh integriti, semangat juang dan kepercayaan diri yang tinggi, kita akan dapat mengatasi masalah-masalah ini, Inshaa Allah.

Saya mengucapkan tahniah kepada universiti ini kerana telah dapat menghasilkan graduan-graduan harta tanah yang berkualiti untuk mengisi keperluan industri yang semakin mencabar. Kepada graduan-graduan yang akan menerima ijazah tahun ini, saya mengucapkan tahniah dengan pesanan supaya tidak berhenti daripada belajar kerana pendidikan adalah kerja sepanjang hayat. Kita tidak mampu alpa, dikhwatirilah ditelan

tsunami perubahan zaman digital, ditambah pula dengan ekonomi global yang tidak menentu.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Universiti Malaya di atas anugerah yang diberikan dengan doa semoga Universiti ini akan terus berkembang pesat dan maju. Dalam hal ini izinkan saya mencadang, untuk mempastikan ianya terus di tempatkan dalam senarai *as one of the Top University of the World*, supaya pihak universiti memikir bagaimana kampus seluas 800 ekar yang terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur ini selain daripada menjadi *centre of world class education*, ianya juga dapat memberi

sumbangan pendapatan supaya menjadi a *self sustainable university* dan tidak semata-mata berterusan dan berharap kepada sumbangan daripada kerajaan.

Penghormatan yang diberikan kepada saya hari ini akan terus mendorong saya untuk meneruskan perjuangan saya dalam bidang harta tanah dan melaksanakan yang terbaik dengan penuh integriti demi kepentingan rakyat dan negara Malaysia yang tercinta.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Pidato bagi Anugerah Pelajaran DiRaja
untuk
Saudara Chong Jing Sheng**

**Diucapkan oleh Pemidato Umum
Yang Berusaha Profesor Dr. Zanariah Abdullah
Dekan, Fakulti Sains**

Sidang Keempat - Isnin, 22 Oktober 2018 (Pagi)

Yang Berbahagia Tan Sri Pro-Canselor,
Izinkan saya memperkenalkan penerima Anugerah
Pelajaran DiRaja.

Chong Jing Sheng.

Chong Jing Sheng yang dilahirkan pada 15 Januari 1995, adalah anak kelahiran Kota Kinabalu, Sabah. Beliau merupakan anak kedua daripada tiga orang adik-beradik hasil perkongsian hidup Encik Chong Hoon Teck, seorang pengurus di sektor swasta, dan Puan Chong Yu Heng, Guru Penolong Kanan Pentadbiran dan Kurikulum di sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) (SJKC) Layang, Johor.

Jing Sheng memulakan alam persekolahannya di SJKC Ping Ming, Kluang, Johor dan seterusnya ke peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Mengkibol, Kluang, Johor. Kejayaan akademiknya di peringkat SPM sebagai pelajar terbaik (*Top Scorer*) telah melayakkan beliau mengikuti program Matrikulasi di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang dan menamatkan pengajian dengan skor Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.00, sebelum melanjutkan pelajarannya dalam Ijazah Sarjana Muda Sains Aktuari, Universiti Malaya (UM) di bawah biasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia. Berkat usahanya serta dorongan keluarga dan tenaga pengajar, beliau mencapai PNGK 3.93 dan telah menerima Anugerah Dekan dalam kebanyakan semester.

Peluang-peluang yang terbuka luas telah dimanfaatkan sepenuhnya melalui penglibatan aktif beliau di peringkat Universiti, dalam Negara dan antarabangsa.

Di peringkat Universiti, beliau bergiat aktif sebagai Presiden dalam Kelab Aktuari Universiti Malaya (UMACT) dengan mengelolakan pelbagai aktiviti yang baharu seperti Program I-Day, bengkel excel, bengkel VBA dan sebagainya untuk memberi

manfaat kepada pelajar Institut Sains Matematik (ISM) dan mengeratkan hubungan antara alumni-alumni ISM. Beliau juga merupakan Timbalan Pengurus Kem Aktuari peringkat kebangsaan (NSACT) tahun 2017.

Minat mendalam dalam aktiviti catur, beliau telah mewakili negeri Johor dalam pertandingan catur MSSM serta mewakili Universiti Malaya dalam pertandingan catur peringkat kebangsaan MASUM dan mendapat tempat ketiga bagi pasukan UM. Di samping itu, Jing Sheng juga dilantik sebagai pengurus pasukan catur Kolej Kediaman Kedua Belas dan menjuarai pingat emas.

Dari segi kepimpinan dan badan beruniform, beliau aktif dalam penyertaan Persatuan Pengakap di sekolah menengah dan berjaya memperoleh lima lencana dengan pangkat tertinggi.

Beliau juga aktif dalam bidang kesenian di mana beliau berjaya mendapat sijil kelulusan organ Gred 8 dari Trinity Guildhall, London. Beliau pernah merangkul Johan dalam pertandingan tarian Latin di negeri Johor, Sabah, Pulau Pinang dan di Kuala Lumpur serta menjuarai pingat emas di peringkat antarabangsa di Singapura dan pingat perak dalam pertandingan tarian Latin antarabangsa di Hong Kong. Selain itu, beliau juga aktif dalam pertandingan koir di Universiti Malaya dan pernah ditugaskan sebagai juruacara dalam beberapa upacara di Malaysia dan Singapura.

Kini, Jing Sheng telah pun berkhidmat sebagai *Consultant in Financial Services Risk Management* di Ernst & Young di Damansara, Malaysia (*The Big Four*), sebuah syarikat swasta bertaraf dunia.

Saya yakin, Jing Sheng akan terus berusaha agar dapat berkhidmat kepada masyarakat dan Negara, serta menjadi sumber inspirasi kepada golongan muda yang lain.

Ucapan Penerima Anugerah Pelajaran DiRaja
oleh
Saudara Chong Jing Sheng

Sidang Keempat - Isnin, 22 Oktober 2018 (Pagi)

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.

Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma binti Yaakob, Pro-Canselor, Universiti Malaya;

Yang Berbahagia

Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim,
Naib Canselor, Universiti Malaya;

Para pensyarah yang dihormati, ahli-ahli pengurusan dan kakitangan Universiti Malaya, tetamu-tetamu serta para graduan yang diraikan sekalian.

Pada hari yang mulia ini, saya, Chong Jing Sheng, amat bersyukur dan berbesar hati kerana dipilih dan dianugerahkan dengan Anugerah Pelajaran DiRaja bagi sesi kali ini. Dengan hati yang tulus ikhlas, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada pihak Universiti Malaya atas penganugerahan ini.

Selama empat tahun saya menimba pelbagai ilmu di Universiti Malaya, saya pasti kita semua mempunyai banyak pengalaman pahit manis sewaktu mula-mula menjakkan kaki ke Universiti Malaya dan sesungguhnya kejayaan yang dikecap pada hari ini bukanlah sesuatu yang mudah. Sebagai pelajar di Universiti Malaya, saya manfaatkan segala peluang yang disediakan oleh kolej kediaman, fakulti dan universiti sehingga ke peringkat antarabangsa. Saya yakin, aktiviti dan program sebegini akan membentuk jati diri kita selain dapat mengasah kemahiran insaniah dan kemahiran kepimpinan.

Kini mengimbau kembali, kami telah bertungkus lumus untuk menyempurnakan segala tugas dan program biar dari segi akademik, kemasyarakatan, mahupun kurikulum dan kadang kala menghadapi masalah kesuntukan masa sehingga berperang sepurnama. Bersama ini juga, kami telah berganding bahu menempuh pelbagai rintangan dan cabaran untuk merealisasikan impian dan cita-cita yang digalas. Namun segala perjuangan dan pengorbanan adalah berbaloi dengan pengiktirafan

yang kami peroleh pada hari ini. Cendekiawan ada menyatakan, tiada kejayaan semanis madu tanpa usaha seeahit hempedu. Pepatah Melayu juga selalu mengingatkan kita, "*Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.*"

Maka, setinggi-tinggi tahniah ingin saya ucapkan kepada semua graduan seperjuangan yang berkumpul di dalam dewan keramat ini. Saya percaya kejayaan ini telah membanggakan keluarga kita semua. Tahniah dan syabas! Perjuangan ini tidak bersifat peribadi, tetapi perjuangan ini demi Universiti Malaya. Hayatilah moto Universiti Malaya, "Ilmu Punca Kemajuan". Dengan ilmu yang diperoleh di menara gading yang agung ini, saya berharap agar semangat, budaya dan momentum kecemerlangan ini akan berterusan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa, demi mengilhamkan harapan dan mencipta masa depan, demi kepentingan masyarakat dan negara kita yang tercinta.

Para hadirin yang dihormati,

Kejayaan yang diperolehi pada hari ini bukan hanya sekadar daripada usaha yang saya curahkan. Di kesempatan ini, saya ingin melanjutkan rasa syukur saya, khususnya kepada ibu bapa dan ahli keluarga saya, abang dan adik saya yang tersayang. Terima kasih kerana sudi bersama saya pada saat yang berbangga dan gemilang ini. Terima kasih atas asuhan dan kasih sayang yang diberikan. Tanpa ibu bapa saya, kejayaan ini adalah mustahil.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan yang tidak terhingga khas kepada barisan pensyarah Universiti Malaya yang saya sanjungi, dan juga kepada pihak pentadbiran dan semua warga Universiti Malaya yang membantu dan mendorong saya sepanjang pengajian di Universiti Malaya. Saya bertuah kerana berpeluang menerima pembelajaran yang berkualiti di Universiti Malaya dan pada akhirnya dapat menyumbang terhadap jati diri dan daya saing negara sejajar dengan keperluan abad ke-

21 agar tertanding dalam industri lokal dan global. Terima kasih UM! Jutaan penghargaan kepada setiap insan yang hadir semasa saya di Universiti Malaya. Tanpa mereka, tak mungkin semuanya dapat berlalu dengan lancar dan cemerlang.

Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada guru-guru Tadika Perpaduan Yap Tau Sah, SJKC Ping Ming, SMK Jalan Mengkibol di Kluang, Johor dan Kolej Matrikulasi Pulau Pinang yang telah membimbing dan mendoakan kejayaan saya selama ini.

Buat rakan seperjuangan, dengan berakhirnya pengajian di Universiti Malaya ini, maka bermulalah era baru dalam dunia kehidupan sebenar yang lebih mencabar. Kini, kita menyemai tekad untuk

terus bersaing dalam menuju kejayaan pada masa hadapan. Dalam usaha menempa kejayaan ini, kita tidak seharusnya mudah berpuas hati dengan apa-apa yang dimiliki sekarang. Sebaliknya, kita haruslah membuktikan bahawa graduan universiti tempatan juga mampu bersaing pada peringkat yang lebih tinggi. Akhir sekali, terimalah serangkap pantun buat semua untuk menggambarkan perasaan saya sebagai penerima Anugerah Pelajaran DiRaja pada hari ini,

Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumpah tepi jambangan;
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Sekian, terima kasih.

Ucapan Tan Sri Pro-Canselor Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri Siti Norma Yaakob

Sidang Kelima - Isnin, 22 Oktober 2018 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Istiadat konvokesyen pada pagi ini merupakan Sidang Kelima daripada tujuh sidang yang telahpun bermula pada 20 Oktober 2018 dan akan berakhir pada 23 Oktober 2018.

Dalam istiadat konvokesyen pada kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5,279 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda ataupun Diploma Pascasiswazah. Daripada jumlah tersebut 540 merupakan penerima Ijazah Doktor Falsafah, 1,768 penerima Ijazah Sarjana, 2,928 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 43 penerima Diploma Pascasiswazah Pendidikan.

Di samping itu, konvokesyen pada tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan kepada Dato' Dr. Mahmood bin Osman Merican dan Ijazah Kehormat Doktor Harta Tanah kepada Tan Sri Sr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Dato' Dr. Goh Khean Lee, Datuk Dr. Norma binti Mansor dan Ir. Dr. Masjuki bin Haji Hassan.

Pada petang ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada 812 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Alam Bina, Akademi Pengajian Islam dan Pusat Kebudayaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Hari ini sudah tentu merupakan hari yang penuh ceria bagi para graduan sekalian. Sesungguhnya pada hari ini anda menikmati kejayaan atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah anda sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. Dalam kegembiraan anda menikmati kejayaan pada hari ini, harus diingatkan bahawa hasil yang dikecapi hari ini mungkin tidak akan tercapai tanpa sokongan, dorongan dan juga irungan doa restu ibu bapa, kaum keluarga, sahabat handai, rakan-rakan serta masyarakat di sekeliling anda. Justeru, dalam meraikan hari yang penuh bersejarah dalam kalender kehidupan anda ini, jangan pernah anda lupa akan pengorbanan dan jerih perit ibu ayah dalam memastikan anda berada di dalam dewan yang bersejarah ini pada hari ini.

Kejayaan anda bukanlah milik mutlak anda seorang diri, sebaliknya pandang dan fikirkanlah pengorbanan ibu ayah anda yang tidak terhitung nilainya. Allah berfirman dalam al-Quran yang bermaksud:

"Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya, ibunya yang telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir susuannya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun, (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu serta kepada Aku juga tempat kembali". (Surah Luqman ayat 14).

Berdasarkan ayat ini, Allah telah mewajibkan kepada semua manusia untuk mengasihi dan membala jasa dan pengorbanan ibu bapa dengan penuh kasih sayang. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan mereka sungguh tidak terkira nilainya.

Tanam keledek tumbuh melata,
Tumbuh subur di tepi telaga;
Kasihkan anak bersengkang mata,
Sanggup berkorban jiwa dan raga.

Selain itu, janganlah anda lupakan jasa para guru dan pensyarah yang telah memberi anda pelajaran. Hargailah segala ilmu yang telah anda terima, dan manfaatkannya untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Semoga anda para graduan pada hari ini akan menjadi warga Malaysia yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Sebagai graduan Universiti Malaya anda pastinya akan dipandang tinggi oleh masyarakat sekeliling. Maka tunjukkanlah sikap yang baik dan aplikasikanlah segala ilmu yang anda peroleh untuk kesejahteraan masyarakat dan negara. Graduan hari ini perlu memiliki jati diri yang kuat, berfikiran positif, mengamalkan sifat amanah serta berintergriti semasa di alam pekerjaan. Ini membolehkan graduan yang dilahirkan dari UM dapat dijadikan *role model* kepada masyarakat sekitar dan menjadi contoh serta ikutan kepada generasi yang lebih muda. Inilah yang memastikan produk jenama UM merupakan jenama yang terbaik, jenama yang tersohor.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Kita kini hidup dalam dunia yang semakin berubah. Dunia berada di ambang revolusi teknologi yang akan mengubah cara kita hidup, cara kita bekerja, dan cara kita berhubungan dengan orang lain. Kita kini berada dalam ambang Revolusi Industri Keempat atau dalam istilah yang lebih popular, IR 4.0.

Kalau kita menoleh ke belakang, Revolusi Industri Pertama bermula pada tahun 1784. Revolusi Kedua pula pada sekitar tahun 1870 yang telah mengubah ekonomi dunia menjadi skala yang amat besar. Seterusnya Revolusi Ketiga yang berlangsung mulai tahun 1969 apabila tenaga elektronik dan teknologi maklumat mula digunakan untuk mengautomasikan pengeluaran. Kini IR 4.0 terbina daripada revolusi sebelumnya, iaitu revolusi digital yang telah bermula sejak pertengahan abad yang lalu. Ia dicirikan oleh gabungan teknologi yang menggabungkan tiga ilmu, iaitu fizik, digital, dan biologi.

Selaras dengan gagasan dan perkembangan teknologi masa kini serta selari dengan kedatangan era IR 4.0, para graduan yang bakal memasuki

pasaran pekerjaan mestilah bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan persekitaran bagi memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang kompetitif tanpa sempadan. Para graduan perlu mengenal pasti bidang pengkhususan untuk terus berdaya saing di peringkat global memandangkan kemajuan teknologi dalam era IR 4.0 adalah berlandaskan produktiviti dan gerakan industri bermatlamatkan aktiviti nilai tambah yang tinggi.

IR 4.0 akan memodenkan semua sektor yang menjurus ke arah pendigitalan sejarah dengan keperluan semasa. Hal ini amatlah berhubung rapat dengan tuntutan keperluan Industri 4.0 yang berasaskan teknologi komputer dan pengautomasi. Untuk itu, sumber manusia perlu diberi pendedahan. Graduan perlu melengkapkan keupayaan diri masing-masing dalam menangani tuntutan IR 4.0 ini. Fenomena Revolusi Industri ini memerlukan sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk dapat bersaing. Justeru, masyarakat khususnya para graduan hendaklah bersedia menuju ke arah perubahan ini.

Para graduan hari ini mestilah sentiasa bersedia memperlengkap serta memperkuuh ilmu dan kemahiran selari dan sepadan dengan ciri-ciri yang digariskan oleh Forum Ekonomi Dunia, antaranya kemahiran menyelesaikan masalah yang kompleks, kemahiran menjadi pemimpin dan ahli pasukan yang berkesan serta memiliki kepintaran emosi dan nilai integriti dan moral yang terpuji. Dengan memiliki kemahiran yang disebutkan itu, para graduan mampu menyesuaikan diri dengan keperluan semasa teknologi dan tuntutan hidup yang semakin berubah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Kita juga harus sedar bahawa negara kita masih terkebelakang dalam hal berkaitan elemen-elemen penjanaan ekonomi dan industri, yang kebanyakannya masih dilakukan secara manual. Justeru, kemunculan IR 4.0 pasti akan membawa banyak manfaat ke arah menjana pendapatan dan ekonomi yang lebih baik kepada masyarakat. Penghijrahan kepada teknologi dagang maya atau e-commerce bakal membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat. Dengan wujudnya peluang-peluang perniagaan gaya baru ini, setiap individu dan masyarakat boleh berurus niaga dengan menjual dan membeli barang atau produk melalui aplikasi tertentu dengan kos yang lebih murah dan mudah. Dengan itu, saya menyarankan agar kesempatan ini dapat direbut sebaik mungkin oleh para graduan dan tidak hanya

mengharapkan pekerjaan makan gaji semata-mata, sama ada dalam sektor perkhidmatan awam mahupun swasta.

Bagi mendepani era yang mencabar ini Universiti Malaya telah menyediakan acuan bagi melahirkan graduan yang dilengkapi dengan kemahiran abad ke-21, iaitu kemahiran pembelajaran agar graduan yang dikeluarkan mampu untuk berdaya saing pada era milenium baharu ini. Kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21 meliputi kemahiran-kemahiran berkomunikasi, sains dan teknologi, interpersonal dan tidak ketinggalan kemahiran intrapersonal. Semua kemahiran ini besar pengertiannya dan perlu dipupuk di dalam diri para graduan untuk mempersiapkan diri mereka pada masa depan.

Itulah yang cuba diintegrasikan dalam sistem pendidikan universiti pada masa ini, termasuk di Universiti Malaya. UM sentiasa memastikan kurikulum dan silibus setiap program pengajian yang ada sentiasa disemak, dikemas kini, ditambah baik dan ditambah nilai supaya selari dengan perubahan dalam dunia kerjaya semasa dan juga masa depan. Dengan ini graduan yang dilahirkan akan mudah untuk memasarkan diri masing-masing bagi menembusi pasaran kerja dalam suasana dan keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Malah, graduan Universiti Malaya turut dibekalkan dengan kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah ini dapat menyumbang terhadap kredibiliti dan nilai pasaran graduan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Kemahiran ini mempunyai objektifnya sendiri, terutama dalam melahirkan graduan yang mampu berdaya saing, prihatin dan mampu

berinteraksi serta responsif terhadap standard yang ditetapkan oleh pihak industri. Sebenarnya, keseluruhan bentuk kemahiran ini membabitkan penggunaan sains, teknologi, keusahawanan, komunikasi, etika serta profesionalisme yang tinggi.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Akhir kata, saya serta Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan serta komitmen tinggi yang diberikan bagi membolehkan Universiti Malaya melonjak ke kedudukan tangga ke-87 dalam QS World University Rankings pada tahun 2018 berbanding kedudukan di tangga ke-114 pada tahun 2017. Kejayaan ini sangat membanggakan kerana Universiti Malaya kini berada dalam kelompok 100 terbaik dunia. Kita percaya bahawa proses pengantarabangsaan Universiti Malaya akan terus menjadi agenda penting untuk menjadikan universiti ini sebagai institusi yang unggul dan terus disegani di peringkat antarabangsa.

Tahniah saya ucapan kepada seluruh tenaga pengajar serta warga Universiti Malaya yang telah bertungkus-lumus memberikan khidmat terbaik dalam usaha memastikan proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan terlaksana dengan sempurna.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Ucapan Tan Sri Pro-Canselor
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib**

Sidang Keenam - Selasa, 23 Oktober 2018 (Pagi)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Istiadat konvokesyen pada pagi ini merupakan Sidang Keenam daripada tujuh sidang yang telahpun bermula pada 20 Oktober 2018 dan akan berakhir pada hari ini, 23 Oktober 2018.

Dalam istiadat konvokesyen pada kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5,279 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda ataupun Diploma Pascasiswazah. Daripada jumlah tersebut 540 merupakan penerima Ijazah Doktor Falsafah, 1,768 penerima Ijazah Sarjana, 2,928 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 43 penerima Diploma Pascasiswazah Pendidikan.

Di samping itu, konvokesyen pada tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan kepada Dato' Dr. Mahmood bin Osman Merican dan Ijazah Kehormat Doktor Harta Tanah kepada Tan Sri Sr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Dato' Dr. Goh Khean Lee, Datuk Dr. Norma binti Mansor dan Ir. Dr. Masjuki bin Haji Hassan.

Pada pagi ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada 813 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Fakulti Bahasa & Linguistik, Fakulti Pendidikan, Fakulti Perubatan, Fakulti Sastera & Sains Sosial dan Akademi Pengajian Melayu.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Hari ini sudah tentu merupakan hari yang penuh ceria bagi para graduan sekalian. Sesungguhnya pada hari ini anda menikmati kejayaan atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah anda sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. Dalam kegembiraan anda menikmati kejayaan pada hari ini, harus diingatkan bahawa hasil yang dikecapi hari ini mungkin tidak akan tercapai tanpa sokongan, dorongan dan juga irungan doa restu ibu bapa, kaum keluarga, sahabat handai, rakan-rakan serta masyarakat di sekeliling anda. Justeru, dalam meraikan hari yang penuh bersejarah dalam kalender kehidupan anda ini, jangan pernah anda lupa akan pengorbanan dan jerih perit ibu ayah dalam memastikan anda berada di dalam dewan yang bersejarah ini pada hari ini.

Kejayaan anda bukanlah milik mutlak anda seorang diri, sebaliknya pandang dan fikirkanlah pengorbanan ibu ayah anda yang tidak terhitung nilainya. Allah berfirman dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya, ibunya yang telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir susuannya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun, (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu serta kepada Aku juga tempat kembali”. (Surah Luqman ayat 14).

Berdasarkan ayat ini, Allah telah mewajibkan kepada semua manusia untuk mengasihi dan membala jasa dan pengorbanan ibu bapa dengan penuh kasih sayang. Sesungguhnya jasa dan pengorbanan mereka sungguh tidak terkira nilainya.

Tanam keledek tumbuh melata,
Tumbuh subur di tepi telaga;
Kasihkan anak bersengkang mata,
Sanggup berkorban jiwa dan raga.

Selain itu, janganlah anda lupakan jasa para guru dan pensyarah yang telah memberi anda pelajaran. Hargailah segala ilmu yang telah anda terima, dan manfaatkannya untuk diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Semoga anda para graduan pada hari ini akan menjadi warga Malaysia yang bermanfaat kepada masyarakat dan negara.

Sebagai graduan Universiti Malaya anda pastinya akan dipandang tinggi oleh masyarakat sekeliling. Maka tunjukkanlah sikap yang baik dan aplikasikanlah segala ilmu yang anda peroleh untuk kesejahteraan masyarakat dan negara. Graduan hari ini perlu memiliki jati diri yang kuat, berfikiran positif, mengamalkan sifat amanah serta berintergriti semasa di alam pekerjaan. Ini membolehkan graduan yang dilahirkan dari UM dapat dijadikan *role model* kepada masyarakat sekitar dan menjadi contoh serta ikutan kepada generasi yang lebih muda. Inilah yang memastikan produk jenama UM merupakan jenama yang terbaik, jenama yang tersohor.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Kita kini hidup dalam dunia yang semakin berubah. Dunia berada di ambang revolusi teknologi yang akan mengubah cara kita hidup, cara kita bekerja, dan cara kita berhubungan dengan orang lain. Kita kini berada dalam ambang Revolusi Industri Keempat atau dalam istilah yang lebih popular, IR 4.0.

Kalau kita menoleh ke belakang, Revolusi Industri Pertama bermula pada tahun 1784. Revolusi Kedua pula pada sekitar tahun 1870 yang telah mengubah ekonomi dunia menjadi skala yang amat besar. Seterusnya Revolusi Ketiga yang berlangsung mulai tahun 1969 apabila tenaga elektronik dan teknologi maklumat mula digunakan untuk mengautomasikan pengeluaran. Kini IR 4.0 terbina daripada revolusi sebelumnya, iaitu revolusi digital yang telah bermula sejak pertengahan abad yang lalu. Ia dicirikan oleh gabungan teknologi yang menggabungkan tiga ilmu, iaitu fizik, digital, dan biologi.

IR 4.0 kini membolehkan ribuan juta manusia dihubungkan dengan peranti mudah alih; dengan kemampuan memproses yang jauh lebih hebat, dengan kapasiti penyimpanan yang jauh lebih besar, dan sehingga tiada lagi batasan untuk sesiapa sahaja memperoleh ilmu pengetahuan. Pencapaian ini ditambahkan lagi dengan penemuan teknologi yang baru muncul dalam bidang seperti kecerdasan buatan, robotik, pelbagai penemuan daripada internet atau *the Internet of Things*, percetakan 3-D, nanoteknologi, bioteknologi, penyimpanan tenaga, dan pengkomputeran kuantum. Semua faktor tersebut digembung untuk membawa kesejahteraan hidup manusia pada hari ini.

Selaras dengan gagasan dan perkembangan teknologi masa kini serta selari dengan kedatangan era IR 4.0, para graduan yang bakal memasuki pasaran pekerjaan mestilah bersedia untuk berubah dan menyesuaikan diri dengan persekitaran bagi memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja yang kompetitif tanpa sempadan. Para graduan perlu mengenal pasti bidang pengkhususan untuk terus berdaya saing di peringkat global memandangkan kemajuan teknologi dalam era IR 4.0 adalah berlandaskan produktiviti dan gerakan industri bermatlamatkan aktiviti nilai tambah yang tinggi.

IR 4.0 akan memodenkan semua sektor yang menjurus ke arah pendigitalan sejarah dengan keperluan semasa. Hal ini amatlah berhubung rapat dengan tuntutan keperluan Industri 4.0 yang berasaskan teknologi komputer dan pengautomasi. Untuk itu, sumber manusia perlu diberi pendedahan. Graduan perlu melengkapkan keupayaan diri masing-masing dalam menangani tuntutan IR 4.0 ini. Fenomena Revolusi Industri ini memerlukan sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi untuk dapat bersaing. Justeru, masyarakat khususnya para graduan hendaklah bersedia menuju ke arah perubahan ini.

Para graduan hari ini mestilah sentiasa bersedia memperlengkap serta memperkuuh ilmu dan kemahiran selari dan sepadan dengan ciri-ciri yang digariskan oleh Forum Ekonomi Dunia, antaranya kemahiran menyelesaikan masalah yang kompleks, kemahiran menjadi pemimpin dan ahli pasukan yang berkesan serta memiliki kepintaran emosi dan nilai integriti dan moral yang terpuji. Dengan memiliki kemahiran yang disebutkan itu, para graduan mampu menyesuaikan diri dengan keperluan semasa teknologi dan tuntutan hidup yang semakin berubah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Masyarakat juga harus sedar bahawa salah satu kesan yang timbul daripada ledakan IR 4.0 adalah bahawa revolusi ini mampu menghakis nilai-nilai kemanusiaan sejagat. Tekanan persekitaran akibat ledakan revolusi ini yang meliputi aspek teknologi, ekonomi, sosial dan sebagainya, mampu menggugat kesejahteraan serta kelangsungan organisasi serta sumber manusia. Jika ia tidak ditangani dengan bijak, tekanan ini boleh menjelaskan kualiti kehidupan masyarakat. Yang kita bimbang, masalah berkait sumber manusia ini mungkin boleh menyebabkan organisasi mengalami penyusutan daya saing yang akhirnya menjelaskan produktiviti organisasi mahupun negara. Sudah tentu masyarakat akan menerima kesan buruknya.

Kita juga harus sedar bahawa negara kita masih terkebelakang dalam hal berkaitan elemen-elemen penjanaan ekonomi dan industri, yang kebanyakannya masih dilakukan secara manual. Justeru, kemunculan IR 4.0 pasti akan membawa banyak manfaat ke arah menjana pendapatan dan ekonomi yang lebih baik kepada masyarakat. Penghijrahan kepada teknologi dagang maya atau e-commerce bakal membuka lebih banyak peluang ekonomi kepada masyarakat. Dengan wujudnya peluang-peluang perniagaan gaya baharu ini, setiap individu dan masyarakat boleh berurus niaga dengan menjual dan membeli barang atau produk melalui aplikasi tertentu dengan kos yang lebih murah dan mudah. Dengan itu, saya menyarankan agar kesempatan ini dapat direbut sebaik mungkin oleh para graduan dan tidak hanya mengharapkan pekerjaan makan gaji semata-mata, sama ada dalam sektor perkhidmatan awam mahupun swasta.

Bagi mendepani era yang mencabar ini Universiti Malaya telah menyediakan acuan bagi melahirkan graduan yang dilengkapi dengan kemahiran abad ke-21, iaitu kemahiran pembelajaran agar graduan yang dikeluarkan mampu untuk berdaya saing pada era milenium baharu ini. Kemahiran yang diperlukan pada abad ke-21 meliputi kemahiran-kemahiran berkomunikasi, sains dan teknologi, interpersonal dan tidak ketinggalan kemahiran intrapersonal. Semua kemahiran ini melibatkan elemen kreativiti dan inovasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kolaborasi, literasi media, teknologi dan maklumat, fleksibiliti dan keupayaan untuk menyesuaikan diri, berinisiatif

dan mempunyai haluan diri, kemahiran sosial dan antara-budaya, produktiviti dan akauntabiliti serta kepimpinan dan tanggungjawab. Semua istilah yang disebutkan itu besar pengertiannya dan perlu dipupuk di dalam diri para graduan untuk mempersiapkan diri mereka pada masa depan.

Itulah yang cuba diintegrasikan dalam sistem pendidikan universiti pada masa ini, termasuk di Universiti Malaya. UM sentiasa memastikan kurikulum dan silibus setiap program pengajian yang ada sentiasa disemak, dikemas kini, ditambah baik dan ditambah nilai supaya selari dengan perubahan dalam dunia kerjaya semasa dan juga masa depan. Dengan ini graduan yang dilahirkan akan mudah untuk memasarkan diri masing-masing bagi menembusi pasaran kerja dalam suasana dan keadaan ekonomi global yang tidak menentu.

Malah, graduan Universiti Malaya turut dibekalkan dengan kemahiran insaniah. Kemahiran insaniah ini dapat menyumbang terhadap kredibiliti dan nilai pasaran graduan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan. Kemahiran ini mempunyai objektifnya sendiri, terutama dalam melahirkan graduan yang mampu berdaya saing, prihatin dan mampu berinteraksi serta responsif terhadap piawai yang ditetapkan oleh pihak industri. Sebenarnya, keseluruhan bentuk kemahiran ini membabitkan penggunaan sains, teknologi, keusahawanan, komunikasi, etika serta profesionalisme yang tinggi.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya serta Universiti Malaya ingin mengucapkan terima kasih kepada seluruh warga kampus atas sumbangan serta komitmen tinggi yang diberikan bagi membolehkan Universiti Malaya melonjak ke kedudukan tangga ke-87 dalam QS World University Rankings pada tahun 2018 berbanding kedudukan di tangga ke-114 pada tahun 2017. Kejayaan ini sangat membanggakan kerana Universiti Malaya kini berada dalam kelompok 100 terbaik dunia. Kita percaya bahawa proses pengantarabangsaan Universiti Malaya akan terus menjadi agenda penting untuk menjadikan universiti ini sebagai institusi yang unggul dan terus disegani di peringkat antarabangsa.

Tahniah saya ucapkan kepada Ahli Lembaga Pengarah, Datuk Ir. (Dr.) Abdul Rahim Hj. Hashim,

Pengurusan Universiti, Profesor, Dekan dan seluruh tenaga pengajar serta anggota pentadbiran sedia ada yang telah mencetuskan proses membawa kepada kejayaan yang diperolehi sekarang dan memastikan UM mengekalkan kedudukannya sebagai universiti terulung di Malaysia.

Kepada tetamu-tetamu kehormat, dif-dif jemputan dan para hadirin sekalian, terima kasih kerana sudi memeriahkan dan menyerikan lagi majlis ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**Ucapan Tan Sri Pro-Canselor
Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli Ngah Talib**

Sidang Ketujuh - Selasa, 23 Oktober 2018 (Petang)

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, kerana dengan limpah kurnia dan izin Allah kita dapat bertemu pada hari ini dalam suasana yang penuh ceria untuk meraikan saat yang amat bermakna bagi para graduan di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Istiadat konvokesyen pada pagi ini merupakan Sidang Ketujuh daripada tujuh sidang yang telahpun bermula pada 20 Oktober 2018 dan akan berakhir pada hari ini, 23 Oktober 2018.

Dalam istiadat konvokesyen pada kali ini, Universiti Malaya menganugerahkan ijazah kepada 5,279 graduan yang telah memenuhi kriteria akademik dan penyelidikan dalam pelbagai disiplin pengajian sama ada pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda ataupun Diploma Pascasiswazah. Daripada jumlah tersebut 540 merupakan penerima Ijazah Doktor Falsafah, 1,768 penerima Ijazah Sarjana, 2,928 penerima Ijazah Sarjana Muda dan 43 penerima Diploma Pascasiswazah Pendidikan.

Di samping itu, konvokesyen pada tahun ini turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Perubatan kepada Dato' Dr. Mahmood bin Osman Merican dan Ijazah Kehormat Doktor Harta Tanah kepada Tan Sri Sr. Abdul Rahim bin Abdul Rahman. Selain itu, gelaran Profesor Emeritus pula dianugerahkan kepada Dato' Dr. Goh Khean Lee, Datuk Dr. Norma binti Mansor dan Ir. Dr. Masjuki bin Haji Hassan.

Pada petang ini, Universiti Malaya akan menganugerahkan Ijazah Sarjana Muda kepada 776 graduan dalam pelbagai disiplin dan bidang pengajian daripada Fakulti Pergigian, Fakulti Undang-Undang, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat, Fakulti Ekonomi & Pentadbiran, Fakulti Kejuruteraan dan Pusat Sukan & Sains Eksesais.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Hari ini sudah tentu merupakan hari yang penuh ceria bagi para graduan sekalian. Sesungguhnya pada hari ini anda menikmati kejayaan atas segala usaha gigih, dedikasi dan penat lelah anda sepanjang tempoh pengajian di Universiti Malaya. Dalam kegembiraan anda menikmati kejayaan pada hari ini, harus diingatkan bahawa hasil yang dikecapai hari ini mungkin tidak akan tercapai tanpa sokongan, dorongan dan juga irungan doa restu ibu bapa, kaum keluarga, sahabat handai, rakan-rakan serta masyarakat di sekeliling anda. Justeru, dalam meraikan hari yang penuh bersejarah dalam kalender kehidupan anda ini, jangan pernah anda lupa akan pengorbanan dan jerih perit ibu ayah dalam memastikan anda berada di dalam dewan yang bersejarah ini pada hari ini.

Kejayaan anda bukanlah milik mutlak anda seorang diri, sebaliknya pandang dan fikirkanlah pengorbanan ibu ayah anda yang tidak terhitung nilainya. Allah berfirman dalam al-Quran yang bermaksud:

“Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapanya, ibunya yang telah mengandungkannya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir susuannya) dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun, (dengan yang demikian) bersyukurlah kepada-Ku dan kepada kedua-dua ibu bapamu serta kepada Aku jua tempat kembali”. (Surah Luqman ayat 14).

